



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 11567]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 11596]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 11608]

Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (No. 2) [Ruangan 11609]

Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 11615]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) [Ruangan 11623]

Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan), Pinjaman Luar negeri dan Lanjutan Kredit (Pindaan) [Ruangan 11630]

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979) [Ruangan 11634]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) [Ruangan 11634]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

” Menteri Pertanian, DATO' SHARIF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

” Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A .K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING.
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S. B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Margaret Chye Kim Lian

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 6hb Disember, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**TOPI/TALIPINGGANG KELEDAR—
PERATUS KEMALANGAN**

1. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak dijalankan kuatkuasa penggunaan topi keledar dan talipinggang keledar, jumlah peratus kurangnya kemalangan jiwa yang berlaku kepada penunggang/pemboncong dan pemandu/penumpang motosikal dan kereta, jika dibandingkan dengan keadaan masa sebelum kuatkuasa itu dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi menentukan dengan tepat jumlah peratus kurangnya kemalangan jiwa oleh kerana pelaksanaan undang-undang penggunaan topi keledar dibuat berperingkat-peringkat di Semenanjung Malaysia. Bagaimanapun dari perangkaan yang didapati dalam tahun 1974 iaitu sebelum tarikh undang-undang topi keledar dilaksanakan di seluruh bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia, berbanding dengan perangkaan dalam tahun 1977, kadar kematian bagi tiap-tiap 10,000 motosikal yang didaftarkan telah turun daripada 12.7 kepada 8.7 dan ini menunjukkan peratus kematian dalam tahun-tahun tersebut telah berkurangan sebanyak 31.5%.

Berhubung dengan undang-undang talipinggang keledar di kereta-kereta pula, Kementerian saya belum lagi dapat memberikan kesannya oleh kerana undang-undang ini baru sahaja dikuatkuasakan.

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sama ada beliau sedar bahawa sungutan telah dibuat oleh pemandu-pemandu teksi, khususnya di Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar tentang penggunaan talipinggang keledar di mana terdapat beberapa masalah termasuk mereka terdedah kepada penyamun-penyamun dan perompak-perompak. Sekiranya beliau sedar, adakah beliau bercadang untuk mengecualikan pemandu-pemandu teksi, khususnya di Kuala Lumpur daripada menggunakan talipinggang keledar.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan soalan ini pun telah beberapa kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya pun telah menjawab soalan ini.

**IKLAN MINUMAN KERAS ATAU
ARAK**

2. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau bercadang mengharam atau menyekat penyebaran iklan minuman keras atau arak yang terpampang di mana-mana sahaja, baik di Stadium Merdeka atau di Panggung-panggung wayang secara besar-besaran yang tidak menggambarkan kedudukan sebenar negara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang mengharamkan atau menyekat penyebaran iklan minuman keras atau arak yang dipamirkan.

RUMAH PEKERJA LADANG

3. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan keadaan rumah-rumah yang disediakan oleh majikan-majikan kepada pekerja-pekerja ladang di negara ini dan jika tidak apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh beliau untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, tuanpunya-tuanpunya ladang yang menyediakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja mereka adalah dikehendaki mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja, 1966 dan peraturan-peraturan yang terkandung di dalamnya. Keadaan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang telah bertambah baik sejak Akta tersebut dikuatkuasakan.

Piawaian yang diperuntukkan di dalam Akta tersebut adalah berpatutan akan tetapi satu daripada masalah-masalah dalam penguatkuasa ialah di bawah Akta ini rumah-rumah yang dibina di ladang-ladang mengikut undang-undang sebelumnya iaitu Labour Code adalah juga diiktiraf sebagai telah diluluskan di bawah Akta ini kecuali jika rumah-rumah tersebut telah wujud lebih dari 25 tahun.

Bagi rumah-rumah yang disahkan sebagai tidak boleh diduduki dari segi kesihatan ataupun dari segi keadaan rumah itu sendiri oleh Jurutera Jabatan Kerja Raya atau Pegawai Kesihatan, satu perintah boleh dibuat di bawah Akta ini untuk merobohkan rumah-rumah seperti itu.

Sejak Akta tersebut dikuatkuasakan sebanyak 28,745 rumah telah dibina di ladang-ladang. Di dalam tahun 1978 sahaja sebanyak 2,798 unit rumah mengikut piawaian baru telah dibina. Kelulusan juga telah diberi bagi pembinaan sebanyak 3,224 unit rumah di bawah Akta ini di dalam tahun 1978 juga. Kementerian saya akan terus mengambil tindakan untuk menentukan bahawa taraf perumahan bagi pekerja-pekerja ladang dan lain-lain tempat pekerjaan adalah sejajar dengan peruntukan di bawah Akta ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada

menyebut bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah salah satu faktor penentu sama ada rumah-rumah yang berkenaan itu layak dipakai ataupun tidak.

Soalan saya, adakah pihak Kementerian beliau pernah meminta pertolongan daripada pihak JKR supaya diperiksa semua rumah-rumah yang wujud setakat hari ini untuk menentukan rumah-rumah tersebut layak atau tidak dari segi piawaian JKR ataupun mengikut Akta yang beliau sebutkan sekejap tadi.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik, tetapi dari keupayaan fizikal untuk meminta JKR menjalankan penyiasatan ataupun pemeriksaan di atas rumah-rumah yang ada adalah satu yang amat rumit. Apa yang kita lakukan ialah apabila pegawai-pegawai Kementerian saya di dalam masa lawatan mereka ke ladang-ladang atau lain-lain tempat dapat memperhatikan bahawa sebuah rumah itu tidak begitu elok atau sesuai untuk diduduki, perkara ini dirujuk kepada JKR untuk mendapat keputusan atau pendapat mereka.

Seharusnya saya memberitahu bahawa di dalam ladang-ladang sahaja pada masa ini terdapat lebih daripada seratus ribu buah rumah dan bukanlah senang untuk kita melakukan memeriksa kesemuanya dalam satu tempoh masa.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa beliau ada menerima cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kemaman

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri cadangan itu baik, tetapi sukar hendak dijalankan.

Tuan P. Patto: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada undang-undang yang disebut oleh Yang Berhormat tadi juga meliputi negeri Sabah dan juga sama ada pihak Kementerian beliau mempunyai kakitangan yang cukup untuk melawat ladang-ladang dan memeriksa keadaan rumah-rumah di situ dan bukan hanya pergi memeriksa pejabat dan banglo-banglo pengurus?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pegawai kami tidak memeriksa pejabat-pejabat atau rumah-rumah pengurus.

Tuan Yang di-Pertua: Dari mana Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tahu dia melawat rumah pengurus?

Tuan P. Patto: Supaya mereka jangan melawat rumah pengurus sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sangkaan sahaja.

Tuan P. Patto: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan keluarkan sangkaan.

Datuk K. Pathmanaban: Saya nafikan sangkaan beliau itu kerana pegawai-pegawai saya tidak langsung memeriksa pejabat-pejabat atau rumah pengurus-pengurus ladang.

Soalnya mengenai Akta ini meliputi negeri Sabah juga sebelum beliau pergi ke Sabah untuk kempen (*Ketawa*), Akta ini sekarang diuruskan untuk diluaskan kuatkuasanya kepada negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah dalam tindakan. Soal pertama itu saya lupa. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertama, cukupkah pegawai untuk pergi melawat rumah itu?

Datuk K. Pathmanaban: Melawat rumah manager tak cukup. Tetapi untuk melawat ke ladang-ladang memang dalam saingan untuk mendapatkan kelulusan Perbendaharaan jawatan-jawatan yang ada dalam Kementerian adalah dihadkan. Kita memang berpuas hati bahawa kita mencukupi tenaga untuk menjalankan usaha-usaha yang diwajibkan di bawah Akta ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi angka mengenai rumah-rumah yang dibina mengikut Akta iaitu taraf minima perumahan apabila Akta itu dikuatkuasakan tetapi kalau tidak silap, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyebut atau memberi angka mengenai rumah yang sudah ditentukan bahawa rumah-rumah itu adalah sub-standard. Adakah Yang Berhormat Menteri

mempunyai angka-angka itu semenjak dikuatkuasakan Akta tersebut yang menunjukkan tidak ada rumah yang diklasifikan sub-standard?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan itu ada terkandung dalam jawapan tadi sebahagian daripada soalnya tetapi cuba jelaskan lagi.

Datuk K. Pathmanaban: Saya rasa saya sudah jelaskan perkara itu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa menganggap sebagai sub-standard tidak boleh kerana undang-undang pada masa ini mengiktirafkan rumah yang dibina sebelum tahun 1966, iaitu tarikh Akta Perumahan itu dikuatkuasakan. Tetapi dari segi kemudahan memanglah saya dapat menerima bahawa ada banyak rumah yang tidak sejajar dengan standard yang kita nikmati pada masa ini atau pun standard rumah yang dibina pada masa ini, dan seperti saya katakan tadi the rate of construction rumah-rumah baru dalam ladang ini adalah sangat menggalakkan, iaitu lebih kurang 3,000 buah rumah setahun.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, melihatkan jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat jelaslah bahawa pekerja-pekerja ladang tidak dilupakan oleh Kerajaan dan oleh pihak majikan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan apabila beliau menyebut tentang berpuluh ribu rumah baru yang telah dibina, apakah peratusan nisbah jumlah rumah yang dibina dengan pekerja-pekerja ladang yang boleh membuktikan bahawa kita sentiasa memerhatikan kepentingan pekerja-pekerja di ladang?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini mungkin berkehendakkan notis melainkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka-angka itu.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak silap, tadi dalam jawapan kepada soalan asal Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai umur rumah-rumah tersebut setakat 25 tahun. Saya

ingin tahu masih ada lagikah pada hari ini rumah (quarters) dalam ladang-ladang tersebut yang berumur lebih daripada 25 tahun.

Datuk K. Pathmanaban: Ya.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri ada memberi angka-angka tentang rumah yang dibina, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada rumah-rumah yang dibina itu pada akhirnya akan diserahkan kepada pekerja-pekerja oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri ada berkata bahawa pihak Kementerian mempunyai satu rancangan house ownership untuk pekerja-pekerja di ladang sama ada angka itu termasuk.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah soalan yang terkeluar daripada soalan asal.

SEMBAHYANG FARDHU— PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI

4. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan industri-industri di negara ini tiada memberi kemudahan-kemudahan kepada pekerja-pekerja yang beragama Islam untuk menunaikan fardhu sembahyang lima waktu dan juga sembahyang Jumaat dan seringkali terdapat tenaga pekerja diperas oleh majikan untuk menambahkan hasil pengeluaran mereka, jika ya, apakah tindakan yang telah sedang dan akan diambil oleh beliau mengenai perkara ini.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada setengah majikan disebabkan oleh jenis pekerjaan di kilang-kilang mereka yang berkehendakkan perjalanan jentera sepanjang hari tidak dapat memberikan kemudahan untuk pekerja-pekerja beragama Islam menunaikan Fardhu Sembahyang, waktu pada masa bekerja mereka tetapi ada terdapat juga ramai majikan yang sudahpun mengadakan kemudahan itu untuk pekerja-pekerja Islam mereka. Terdapat juga banyak perjanjian bersama antara majikan dan kesatuan-kesatuan sekerja yang memperuntukkan kemudahan

itu. Pada masa sekarang pegawai-pegawai Kementerian saya sedang menggesa majikan-majikan supaya menggunakan budibicara mereka untuk mengadakan peraturan bagi pekerja-pekerja beragama Islam bagi menyenangkan mereka menunaikan kehendak-kehendak agama mereka. Kita harap dengan cara ini kita akan dapat mengatasi masalah yang timbul dikebanyakan tempat pekerjaan dalam perkara ini.

Kenyataan bahawa seringkali terdapat tenaga pekerja diperas oleh majikan untuk menambahkan hasil pengeluaran mereka, hujah itu adalah terlalu am dan saya tidak dapat menjawabnya dengan tepat, tetapi saya dapat menyatakan di sini kita mempunyai undang-undang buruh yang cukup untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja kita dalam keadaan seperti ini. Undang-undang ini adalah memperuntukkan syarat-syarat mengenai waktu bekerja, kerja lebih masa, hari kelepasan am, cuti tahunan, cuti sakit, pembayaran elaun bersalin dan lain-lain. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai kes-kes yang spesifik, Kementerian saya akan menyiasat perkara itu dan menjalankan tindakan yang sewajarnya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sebagai salah satu jalan untuk memberi kemudahan kepada pekerja-pekerja Islam menunaikan sembahyang waktu sama ada beliau akan mensyaratkan kepada industri-industri atau pun kilang-kilang yang mempunyai ramai pekerja-pekerja Melayu, atau pun pekerja-pekerja yang beragama Islam supaya kilang-kilang ini menyediakan sama ada satu surau atau pun bilik sembahyang untuk membolehkan mereka ini sembahyang di waktu-waktu yang sepatutnya.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab dengan tepat kerana keadaan ditempat-tempat pekerjaan adalah berlainan. Tetapi saya dapat mengatakan di sini bahawa di kebanyakan tempat pekerjaan yang besar sudah pun majikan menyediakan tempat atau bilik sembahyang tetapi masalah dalam perkara ini, saya difahamkan bahawa sembahyang fardhu Jumaat itu tidak boleh dilakukan di tempat-tempat pekerjaan kecuali di Masjid yang sebenar.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam keterangan tadi memang ada didapati ada lagi majikan-majikan yang tidak mengikut arahan ini, jadi saya ingin tanya sama ada arahan ini hanya merupakan arahan atau pihak Kementerian Buruh ini ada suatu Akta yang boleh mengambil tindakan terhadap majikan yang tidak mengikut arahan dan satu lagi saya ingin tahu setakat ini sudah adakah pihak Kementerian ini menerima aduan daripada pekerja-pekerja Islam yang tidak dibenarkan bercuti sembahyang Jumaat.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soal mengabaikan atau tidak mematuhi arahan tidak timbul. Apa yang kita jalankan pada masa ini adalah untuk mengesakan majikan dalam keadaan pekerjaan mereka untuk membuatkan peraturan-peraturan yang cukup untuk membolehkan pekerja-pekerja Islam menunaikan kehendak agama Islam dan saya rasa ramai majikan sudah pun dapat mematuhi nasihat dan gesaan kita. Ada juga kita dapat rayuan atau laporan daripada pekerja-pekerja Islam bahawa di tempat-tempat mereka bekerja tidak dapat kemudahan ini. Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menyasiat dan mengambil tindakan yang perlu. Apa yang saya tegaskan dalam jawapan asal saya adalah bahawa di setengah-setengah kilang-kilang kerana mereka dikehendaki menjalankan jentera mereka non-stop atau sepanjang hari, adalah menjadi masalah untuk melepaskan satu golongan pekerja untuk menunaikan sembahyang dan lain-lain.

FELDA—PERMOHONAN YANG BERJAYA

5. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bahawa banyak pemohon-pemohon untuk menyertai rancangan FELDA telah diberi jawapan "berjaya" dalam temuduga mereka, tetapi belum dipanggil. Di rancangan FELDA manakah mereka akan ditempatkan dan tarikh selewat-lewatnya mereka akan dipanggil.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, oleh

kerana banyak permohonan yang diterima, jumlah calon yang berjaya dalam temuduga peneroka-peneroka FELDA adalah melebihi bilangan tempat yang boleh menerima peneroka dalam satu-satu tahun. Hingga bulan Oktober 1979 sebanyak 9,612 orang calon peneroka berada dalam senarai menunggu FELDA (waiting list).

Calon-calon peneroka hanya dapat ditempatkan jika ada rancangan FELDA di negeri berkenaan dan apabila rumah-rumah peneroka siap dibina dan kemudahan asas seperti bekalan air dan jalan masuk disediakan. Oleh kerana bilangan rancangan FELDA di satu-satu negeri adalah berlainan, senarai menunggu calon peneroka adalah berbeza juga di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Kedudukan calon menunggu pada masa ini adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>				<i>Calon Menunggu</i>
Johor	2,423
Perak	2,054
Trengganu	1,464
Kelantan	1,386
Pahang	866
Negeri Sembilan	553
Kedah	503
Melaka	163
Selangor	111
Perlis	89
JUMLAH				...
				9,612

Panggilan masuk ke rancangan FELDA berdasarkan kepada ketinggian markah yang diperolehi oleh calon peneroka semasa di temuduga. Calon-calon yang mendapat markah yang lebih tinggi akan dipanggil masuk ke rancangan lebih awal daripada yang lain-lain. Apabila kekosongan telah dipenuhi bagi satu-satu negeri, maka pihak FELDA berikhtiar untuk menempatkan calon peneroka di rancangan-rancangan FELDA di Negeri Pahang dimana 50% dari tempat yang ada di negeri itu telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk dipenuhi oleh calon-calon peneroka dari negeri-negeri lain. Negeri-negeri lain tidak menerima calon-calon yang lain daripada negerinya melainkan Pahang sahaja.

Adalah dijangkakan menjelang akhir tahun 1979 lebih kurang 3,000 lagi calon peneroka yang berjaya akan dapat ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA seperti berikut. Ini yang belum di isi.

<i>Negeri</i>	<i>Penempatan Calon Peneroka Menjelang Akhir 1979</i>
Pahang	1,726
Johor	705
Negeri Sembilan	490
Kelantan	120
Perak	20
Perlis	12
	3,074

Tuan Yang di-Pertua, pihak FELDA akan sentiasa berusaha menyegerakan penempatan calon-calon peneroka yang telah berjaya di rancangan-rancangan FELDA. Dalam tahun 1980 adalah dijangka 6,000 lagi keluarga peneroka akan kita dapat tempatkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apa jadi kepada calon-calon yang sudah berjaya yang menunggu begitu lama tetapi sudah melewati usia yang produktif.

Yang kedua, saya hendak bertanya adakah langkah-langkah telah diambil oleh pihak Kementerian supaya pada masa yang akan datang jumlah yang dianggap berjaya tidak akan melebihi daripada jumlah tempat yang ada dalam FELDA supaya mereka ini tidak merasa frustrated menunggu begitu lama tempat-tempat kosong dalam FELDA.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, mana yang telah dipilih sekiranya dipanggil dan didapati umurnya lebih 35 tahun misalnya 37 tahun, maka bukanlah kesalahan mereka itu dan kadang-kadang anakpun telah bertambah kita terima juga.

Mengenai soalan yang kedua, cakap itu memanglah senang. Tetapi kita memikirkan bahawa membuka Rancangan FELDA dalam satu tahun itu banyak bergantung kepada faktor-faktor yang mustahak ditimbangan

walaupun kita seberapa yang boleh memanggil calon-calon itu dan kita pilih untuk menentukan, untuk dimasukkan dalam Rancangan FELDA dalam masa dua tiga tahun yang akan datang. Tetapi kadang-kadang setengah-setengah negeri oleh sebab-sebab yang tertentu, tergendala rancangan itu, misalnya, pemborongnya lari atau sebab-sebab yang lain, maka bukanlah senang kita hendak memilih betul-betul hendak dicukupkan rancangan bagi tempat-tempat yang kosong yang ada dalam FELDA itu, walau bagaimana pun apabila kita membuat cadangan itu, kita akan awasi pada masa akan datang supaya mereka yang menunggu tidaklah begitu lama.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, banyak pemohon-pemohon yang telah ditemuduga untuk menyertai Rancangan FELDA telah tidak diberi sebarang jawapan. Bolehkah Kementerian menimbangkan untuk mengirinkan jawapan: "bahawa permohonan tuan tidak berjaya" iaitu kepada mereka yang gagal supaya mereka tidaklah tertunggu-tunggu dan terharap-harap dan tertanya-tanya kepada Wakil-wakil Rakyat.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Pilihan yang baharu ini telah diadakan baharu lima enam bulan. Selepas temuduga, proses markah mereka akan dijalankan dengan secara komputer. Dan mana yang lulus, terus dipanggil dan cuma yang tidak lulus sahaja belum diberitahu dan saya telah mengarahkan kepada pihak FELDA supaya lekas menjawab kepada mereka yang tidak lulus.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pemohon-pemohon yang berjaya daripada orang yang bukan bumiputra adalah bilangannya kecil sahaja dan juga daripada mereka yang berjaya setengah-setengahnya tidak menerima masuk Rancangan-rancangan FELDA pada akhirnya dan

Tuan Yang di-Pertua: Tidak diterima atau tidak menerima?

Dr Hee Tien Lai: Tidak diterima, dan biasanya kekosongan ini adalah diisikan oleh bumiputra. Saya ingin bertanya kepada Yang

Berhormat Menteri bolehkah Kementerian yang berkenaan mengadakan satu dasar bahawa pada masa yang akan datang kekosongan-kekosongan yang berlaku kerana tidak diterima oleh pemohon bukan bumiputra dapat diisikan oleh kaum-kaum bukan bumiputra juga. Terima kasih.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu saya tidaklah mengatakan dusta tetapi saya kata, itu kurang benar, sebab kita tidak ada diskriminasi di dalam memilih di antara Melayu dan bukan Melayu yang hendak masuk dalam FELDA. Di sini saya ada angka-angka yang telah masuk dalam FELDA, iaitu orang Cina—968 orang, India—898 orang dan yang lain-lain (bukan India dan Cina)—33 orang. Yang masih menunggu: India 1,288 orang bagi seluruh Semenanjung, Cina 735 orang. Ini mengikut negeri-negeri pula

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah sebutkan negeri-negeri, panjang sangat.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang penerimaan besarnya bilangan yang menunggu ramai yang bukan Melayu ialah di negeri Melaka ataupun Negeri Sembilan dan mereka itu tidak ada tempat. Mereka tidak dapat dipindahkan ke negeri lain kerana negeri lain itu tidak menerima orang Cina atau India, orang Melayupun tidak diterima kerana tanah adalah dalam kuasa Kerajaan Negeri.

Tetapi walau bagaimanapun di sini bilangan orang Cina dan India tidak banyak lagi yang menunggu dan saya telah mengarahkan semua ini seberapa lekas di masukkan dalam rancangan FELDA. Saya haraplah orang yang bukan Melayu bila masuk rancangan itu jangan selepas dua tiga bulan lari pula keluar, kebanyakannya begitu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah pemohon yang berjaya temuduga ini akhirnya akan dapat juga masuk ke rancangan FELDA ini ataupun mereka itu tertinggal begitu sahaja ataupun akan dijawab semula tidak berjaya.

Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof: Mana yang telah lulus, saya beri jaminan walau berjanggut panjang pun akan diterima juga (*Ketawa*).

UNIT ANJING JABATAN KASTAM

6. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kewangan menyatakan berapa ekor anjing yang berkhidmat di dalam Yunit Anjing di bawah Cawangan Pencegah Kastam; perbelanjaan untuk menanggung dan melatih anjing-anjing ini; dan setakat mana anjing-anjing ini telah berjaya menghidu dadah dan mengesan penjenayah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, semenjak tertubuhnya Unit Anjing, Jabatan Kastam pada awal tahun 1979 sebanyak 11 ekor anjing telah diperolehi. Perbelanjaan purata bulanan bagi menanggung dan melatih anjing-anjing tersebut adalah di antara \$300-\$350 untuk sebulan.

Setakat ini anjing-anjing tersebut telah membantu Unit Anjing membuat dua rampasan besar. Rampasan yang pertama melibatkan satu paun heroin dari sebuah motokar di sekatan jalanraya 20 batu dari Taiping pada bulan November, 1978. Rampasan yang lagi satu melibatkan 42 paun heroin yang tersembunyi dalam beg pakaian penumpang di Lapanganterbang Antarabangsa Subang pada bulan Disember tahun 1978.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anjing-anjing tersebut adalah dilatih untuk menghidu dadah narkotik sahaja dan bukan untuk mengesan penjenayah.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jenis anjing yang digunakan oleh pihak Kastam dan sama ada anjing ini didapati yang sesuai dan cekap sekali untuk berkhidmat dalam Unit Anjing ataupun adakah jenis-jenis anjing yang lain yang dipercayai digunakan oleh lain-lain negara yang lebih efektif dan cekap daripada anjing yang ada sekarang?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, untuk Unit Anjing Jabatan Kastam anjing jenis "Labrador" digunakan dan yang sesuai bagi mereka.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KUNG MIN

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar ibubapa-ibubapa murid-murid sekolah

rendah Cina Kung Min di Serdang Lama, Selangor, merasa tidak puashati dengan Guru Besar sekolah tersebut yang telah gagal dan nyata tidak memandang berat mengenai taraf akademik sekolah tersebut sepertimana terbukti oleh keputusan-keputusan pemeriksaan sekolah tersebut yang kian lama menjadi kian buruk serta juga mereka merasa tidak puashati kerana Guru Besar berkenaan tidak menghadirkan diri di sekolah kerana menjalankan kerja-kerja politik MCA dan apakah tindakan Kementeriannya bercadang mengambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, sepanjang pengetahuan saya, tidaklah benar bahawa kemerosotan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kung Min keseluruhannya disebabkan oleh apa yang dikatakan bahawa Guru Besarnya tidak menghadirkan diri di Sekolah berkenaan kerana menjalankan aktiviti-aktiviti politik MCA. Sungguhpun demikian Kementerian Pelajaran akan menyiasat sebab-sebab berlakunya kemerosotan taraf pencapaian sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taraf pencapaian pelajaran bahawa Inggeris, Tawarikh dan Ilmu Alam sekolah tersebut telah bertambah baik berasas kepada keputusan peperiksaan Penilaian Darjah 5, bagi tahun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kementerian berkenaan atau Jabatan Pelajaran Negeri Selangor membuat satu siasatan dalam perkara ini mengenai tingkah-laku Guru Besar yang tersebut sebelum jawapan dibuat?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, tadi saya telah jawab Kementerian Pelajaran akan menyiasat sebab-sebabnya.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan, sebagaimana dakwaan yang dibuat oleh Wakil dari Petaling yang menyatakan bahawa taraf akademik sekolah yang berkenaan ini telah didapati merosot oleh kerana Guru Besarnya menjalankan kerja-kerja politik MCA tidak kerja-kerja sekolah. Jadi saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menerima aduan tentang guru-guru yang dibawahnya pula

menghabiskan masa dengan kerja-kerja politik, DAP tidak menumpukan kepada pengajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain (*Ketawa*).

Tuan Chan Teck Chan: Apakah tindakan telah diambil oleh Kementerian Pelajaran selepas satu memorandum telah dikemukakan oleh ibubapa murid-murid Sekolah Rendah Cina Kung Min di Serdang Lama yang bukan sahaja mengadu bahawa Guru Besar tidak bertanggungjawab dan lalai menjalankan tanggungjawabnya tetapi juga keselamatan murid-murid tidak dijaga bila ada berlakunya kebanjiran dan juga kemudahan-kemudahan sekolah ini sangat-sangatlah buruk kerana saya sendiri ada menghadiri satu majlis dialog pada 13hb Ogos di sekolah itu sendiri.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, soalan ini berkenaan dengan pencapaian akademik, jadi soal bangunan itu tidak termasuk dalam soalan asal.

Dr Hee Tien Lai: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah mengesahkan pengaduan-pengaduan bahawa isteri-isteri orang politik yang memegang jawatan yang tinggi "take it easy" dalam tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini lagi jauh dari soalan asal.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapakah beliau sebagai seorang pemimpin MCA dan juga Guru Besar ini juga sebagai ahli politik MCA, kenapakah sekolah yang mana ahli MCA menjadi Guru Besar maka sekolah ini setakat hari ini berada dalam keadaan yang sangat buruk?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah yang buruk—bangunannyakah atau taraf akademiknya?

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Keburukan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah semakin baik mengikut peperiksaan Penilaian Darjah 5.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa keputusan akademik sesebuah sekolah itu bukan hanya bergantung kepada faktor Guru Besar semata-mata dan apakah juga beliau sedar bahawa tiap-tiap tahun pihak Jabatan Pelajaran dan juga Kementerian Pelajaran menjalankan penyiasatan-penyiasatan tentang sebarang kemerosotan yang berlaku, sekiranya ada.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sudah jawab tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang akhir, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar sesebuah sekolah itu menjadi terganggu perjalanan pentadbirannya apabila golongan ibubapa di sekolah itu dihasut oleh parti-parti Pembangkang untuk selalu membuat memorandum dan complaint terhadap kerja-kerja sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak ada kena-mengena dengan soalan asal (*Ketawa*).

Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua soalan No. 8.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

8. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kedudukan pembekalan petrol di negara ini terutama sekali bagi petrol disel. Berapa lamakah Kementerian ini dapat mengatasi kekurangan pembekalan petrol tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa dengan soalan Ahli Yang Berhormat ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa beliau memberi jawapan yang menyeluruh terhadap soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang pada 17.10.79. Saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan yang telah diberi.

BANTUAN SUBSIDI KEPADA RAKYAT KELANTAN

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa semua jenis bantuan subsidi yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada rakyat di Kelantan tidak menyeleweng dari peraturan-peraturan dan asas-asas keadilan dan jika ada sebarang penyelewengan yang dilaporkan kepada beliau sama ada tindakan akan diambil ke atas pegawai-pegawai yang terlibat itu atau ke atas penasihat-penasihat tertentu.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi Kerajaan menjaminkan 100% supaya semua jenis bantuan subsidi yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada rakyat Kelantan tidak lari dari peraturan-peraturan. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi supaya segala jenis bantuan subsidi sampai ketangan yang berhak menerimanya. Sekiranya ada kes-kes penyelewengan dilaporkan berlaku, Kementerian pertanian tidak teragak-agak untuk menyasat dan sekiranya didapati benar berlaku tindakan akan diambil ke atas mereka yang terlibat itu.

Tuan Alias bin Mohd. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa setengah-setengah rakyat kita telah dihasut oleh parti-parti yang tertentu supaya meninggalkan sesuatu yang bersifat keduniaan termasuk bantuan-bantuan subsidi daripada Kerajaan dan kerana inilah satu daripada sebab-sebabnya maka kerja-kerja memberi bantuan subsidi kepada petani-petani dan rakyat tidak dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah jawab soalan itu.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Keadilan adalah merupakan satu konsep yang subjective. Jadi saya ingin tahu di dalam memberi semua bantuan subsidi kepada rakyat adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi keutamaan kepada mana-mana rakyat yang berlaku adil terhadap Kerajaan ataupun di sebaliknya?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, segala skim subsidi yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian mempunyai aturan dan peraturan tertentu serta mempunyai syarat-syarat tertentu. Satu daripada perkara yang diambil perhatian berat oleh Kementerian saya sebelum mengeluarkan satu-satu subsidi ialah bahawa subsidi itu digunakan sepenuhnya untuk kebaikan rakyat terutama mereka yang menerimanya supaya ianya tidak dipergunakan dengan cara yang membazir dan sia-sia. Ini termasuklah dengan mengutamakan kepada pemohon-pemohon yang betul-betul berminat dan yang betul-betul diyakinkan boleh menjalankan kerja-kerja sama ada pertanian atau perikanan hasil daripada pemberian subsidi daripada Kerajaan itu.

HOSPITAL DAN KLINIK DI SABAH/ SARAWAK

10. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan yang amat sangat hospital-hospital dan klinik-klinik di Sabah dan Sarawak jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini, dan sama ada beliau juga sedar bahawa hospital-hospital terutama sekali di Sabah kekurangan pakar-pakar, doktor-doktor, kakitangan perubatan yang terlatih, alat-alat moden dan kemudahan-kemudahan dan jika ya apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa kedudukan hospital-hospital dan klinik-klinik di Sabah dan Sarawak telah bertambah baik dari masa dahulu iaitu sebelum kita masuk Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, di Negeri Sabah sahaja sebanyak 5 buah hospital iaitu :

Hospital Daerah, Beaufort
Hospital Daerah, Kudat
Hospital Daerah, Kota Belud
Hospital Daerah, Tambunan
Hospital Daerah, Beluran.

telah diluluskan yang mana Hospital Daerah Tambunan dan Beluran telah siap dibina dan sedang digunakan dan tiga buah hospital yang lain itu adalah dalam berbagai peringkat pembinaan. Di bawah kajian separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, tiga buah lagi Hospital Daerah iaitu di Daerah Tuaran, Daerah Kota Marudu dan Daerah Sipitang telah diluluskan. Peruntukan bagi memperoleh tapak tanah bagi hospital-hospital tersebut telah diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah dijangka pembinaan hospital-hospital tersebut akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Selain daripada pembinaan hospital-hospital baru, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Duchess of Kent yang ada sekarang telah diperbesar dan juga wad-wad tambahan baru telah diluluskan dalam kajian Separuh Penggal bagi Hospital Daerah Keningau, Beaufort dan Hospital Daerah Ranau.

Berkenaan Pusat-pusat Kesihatan, Dispensari-dispensari Desa, Pusat-pusat Kecil Perkampungan (Village Group Sub-Centres) dan Poliklinik di Negeri Sabah, suka saya memaklumkan bahawa terdapat 179 projek-projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Di antara 179 projek-projek ini, 103 telah siap, 29 adalah dalam peringkat pembinaan, 20 pada peringkat memanggil tender dan 27 lagi adalah masih dalam peringkat perancangan. Di antara 27 projek tersebut tadi, kebanyakannya adalah diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal dan peruntukan hanya diluluskan untuk memperoleh tanah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Di Negeri Sarawak pula terdapat 5 buah Hospital Daerah yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga iaitu di Limbang, Serian Saratok, Kanowit dan Sibu. Di antaranya, Hospital Daerah Limbang dan Hospital Daerah Serian telah siap dibina dan

beroperasi. Hospital Daerah Saratok adalah dalam peringkat pembinaan dan bagi Hospital Kanowit tender akan dipanggil tidak lama lagi. Pada masa ini jumlah bilangan hospital di Sarawak ialah 15 termasuk 2 buah hospital khas yang semuanya mempunyai sejumlah 2,716 katil. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga jua, bagi Negeri Sarawak terdapat 56 buah Klinik Kesihatan Desa yang telah diluluskan dan di antaranya 25 buah telah siap dan 16 buah adalah dalam peringkat pembinaan dan 15 buah lagi adalah dalam berbagai peringkat perancangan. Di Negeri Sarawak pada masa sekarang terdapat 39 buah Klinik Desa dan Pusat Kesihatan.

Mengenai kekurangan Pakar-pakar dan doktor-doktor, suka saya memaklumkan bahawa soalan ini pernah dijawab di Dewan ini beberapa kali. Kekurangan ini bukan sahaja yang dialami oleh kedua buah Negeri tersebut malahan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pada kebelakangan ini Kementerian Kesihatan telah melantik doktor-doktor kontrak dari Burma di Indonesia dan beberapa doktor-doktor tersebut telah dihantar ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Berkenaan masalah kekurangan kakitangan para-perubatan, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah untuk menambahkan bilangan pelatih-pelatih supaya dapat menampung keperluan kakitangan-kakitangan para-perubatan.

Sukacita saya menegaskan di sini bahawa Sabah dan Sarawak sebagaimana juga lain-lain negeri di Malaysia ini dibekalkan dengan alat-alat perubatan moden untuk perkhidmatan rawatan pesakit. Walau bagaimanapun, alat-alat perubatan yang lama yang masih ada di hospital-hospital adalah diganti dengan yang baru dan moden dari masa ke semasa.

Sukacita saya menegaskan di sini bahawa Kementerian Kesihatan akan berusaha dengan lebih giat lagi bagi memperbaiki segala kemudahan perubatan dan Kesihatan di kedua-dua negeri ini, dan menentukan bahawa segala masalah yang dihadapi akan dapat di atasi supaya pada suatu masa nanti dapatlah kita meningkatkan mutu perkhidmatan selaras dengan perkhidmatan yang diberi di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu sama ada doktor-doktor dan pakar-pakar daripada negara-negara Taiwan,

Filipina dan India juga boleh diambil untuk menampung kekurangan pakar di hospital Sabah secara kontrek?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mengambil doktor-doktor dan pakar-pakar yang diiktiraf oleh negara kita.

KONSEP ZOPFAN

11. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah dasar Berkecuali dan Rantau Aman dan Berkecuali di Asia Tenggara dapat menjamin negara ini tidak diseroboh terutama setelah Malaysia mengambil sikap yang membayangkan semacam sokongan kepada regim Pol Pot dalam pertikaian di Kampuchea.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, dasar berkecuali kita dan konsep Rantau Aman, Bebas dan berkecuali (ZOPFAN) adalah berasaskan kepada pendirian bahawa kita tidak akan memihak atau campurtangan dengan kuasa-kuasa asing. Malahan, adalah menjadi hasrat kita untuk menjadikan rantau Asia Tenggara satu kawasan yang bebas dari perasingan dan campurtangan kuasa-kuasa besar, supaya negara-negara di rantau ini dapat menurut dan menjayakan perkembangan ekonomi dan sosial masing-masing. Dasar-dasar yang terkandung di dalam konsep ini merupakan halangan kepada campurtangan terutama oleh kuasa-kuasa besar.

Sokongan kita terhadap Kerajaan Demokratik Kampuchea adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip berkenaan hubungan antara negara-negara dan ini adalah selaras dengan konsep ZOPFAN dan berkecuali. Campurtangan secara kekerasan oleh kuasa asing di Kampuchea pada hakikatnya mencabuli prinsip-prinsip ini. Seperti mana Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah menegaskan keadaan sekarang menambahkan lagi perlunya konsep ZOPFAN di rantau ini. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah melahirkan keazaman mereka untuk menegaskan kepada semua yang berkenaan, termasuk negara-negara Indochina, perlunya kita mengikuti prinsip-prinsip selaras dengan ZOPFAN, dan menghalang perbuatan memihak dan campurtangan oleh kuasa-kuasa besar.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini satu kenyataan daripada Timbalan Perdana Menteri menyebutkan bahawa Malaysia tidak akan berdiam kalau sekiranya Thailand diceroboh. Dan ini sudah satu pencerobohan kententeraan, yang menunjukkan bahawa kita akan melibatkan diri dengan penglibatan ketenteraan jika sekiranya Thailand diceroboh. Tidakkah ini telah melanggar dasar berkecuali kita dan juga bertentangan dengan perjanjian ASEAN yang tidak termasuk di dalam bidang kententeraan. Dan. . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan itu dulu. Nanti, panjang sangat.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, apabila disebut bahawa Malaysia tidak akan berdiam diri, ini tidak menentukan apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan kita ambil. Malah ini hanya menggambarkan bahawa semestinya Malaysia perlu menitik beratkan apa yang berlaku di negara jiran yang mungkin akan membawa sebarang kesan dan akibat kepada negara kita dan kita perlu menimbang dan membuat sebarang persiapan dan mungkin sebarang tindakan yang diperlukan selanjutnya. Tetapi ini sendiri tidak bermakna bahawa kita telahpun membuat sebarang keputusan untuk mengambil sebarang tindakan seperti yang mungkin disangkakan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri berkenaan ada menyatakan bahawa konsep, aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) ini tidak mendedahkan Malaysia kepada pencerobohan. Tetapi kita juga mendapat tahu bahawa sekarang ini timbul perkembangan baru di ASEAN di mana Vietnam sudah mula menganggap bahawa pulau Natuna itu sebahagian daripada Vietnam.

Dan soalan yang kedua ialah oleh kerana Russia mempunyai konsep berkecuali yang berbeza dengan konsep yang ditentukan oleh ASEAN, jadi apakah kesan dari segi politik di negara ASEAN hasil daripada perbezaan konsep ini.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, perbezaan konsep dan pendapat selagi adanya negara yang berasingan dan mengikuti fahaman yang berlainan semestinya akan berterusan. Jadi kita tidak

curiga atas adanya perbezaan konsep, asalkan matlamat dalam mana negara-negara dapat mengamalkan cara hidupnya mengikut cara yang dipilih oleh sesuatu negara itu sendiri, inilah yang menjadi harapan kita.

Tentang tuntutan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat oleh pihak Vietnam ke atas Natuna, ini tidak semestinya menjejaskan konsep berkecuali kita kerana jikalau kita hendak katakan tentang tuntutan, berbagai-bagai tuntutan sama ada tuntutan wilayah ataupun tuntutan pada hak dalam bidang yang lain akan sentiasa berlaku.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG—PEMBINAAN RUMAH

12. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah unit rumah yang didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak tahun 1973 mengikut jenis rumah, banglow, berkembar, teres dan kelompok; jumlah unit yang diperuntukkan kepada Bumiputra.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, jumlah unit rumah-rumah yang telah dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak tahun 1973 ialah 2,520 buah. Dari jumlah ini 1,073 adalah jenis teres, 102 jenis berkembar, dan 1,345 jenis pangsa dan berkelompok. Dari jumlah ini 1,106 unit ataupun 43.8% telah diperuntukkan kepada bumiputra.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sama ada beliau bersetuju bahawa pencapaian itu adalah satu pencapaian yang baik dan harus diikuti oleh Kerajaan-kerajaan yang lain di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bertanyakan fikiran, di bawah Peraturan Mesyuarat tidak payah dijawab.

BILIK SEMBAHYANG DI LAPANGAN- TERBANG

13. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa bilik sembahyang tidak diadakan bagi orang-orang Islam yang

hendak sembahyang di kebanyakan lapangan-terbang-lapanganterbang terutamanya bagi mereka yang menunggu penerbangan pagi dan mereka terpaksa meninggalkan sembahyang mereka. Jika ya, adakah Kementerian beliau akan menyediakan bilik sembahyang di lapangan-terbang-lapanganterbang ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar perkara ini dan sedang mengambil tindakan mengadakan kemudahan bilik sembahyang terutama sekali di lapangan-terbang di peringkat pembinaan ataupun lapangan-terbang di peringkat pembesaran bangunannya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Lee Boon Peng.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-14.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KOMANWEL DI LUSAKA

4. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan kejayaan yang dicapai oleh perwakilan Malaysia atas masalah-masalah sekarang di Asia Tenggara dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel yang diadakan di Lusaka terutama mengenai perkembangan baru di Indochina, persaingan negara-negara besar dalam rantau itu dan bahaya-bahayanya serta masalah pelarian.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel yang diadakan di Lusaka, Malaysia telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai kedudukan di Asia Tenggara termasuk perkembangan baru di Indochina dan masalah pendatang haram Vietnam. Persidangan telah menyuarakan keraguan dan juga membantah segala bentuk campurtangan bersenjata di rantau itu yang menceburi prinsip-prinsip menghormati kedaulatan, keluhuran kawasan, kemerdekaan dan tidak campurtangan dalam hal ehwal negara lain.

Berasaskan pada cadangan-cadangan Malaysia dalam Pengisytiharan terakhir, Ketua-ketua Kerajaan mengambil perhatian atas usaha-usaha yang sedang dibuat untuk menubuhkan secara awal satu kawasan bebas dan berkecuali di Asia Tenggara dan menyeru semua negara-negara supaya menyokong usaha-usaha tersebut.

Berkaitan dengan soal-soal orang pelarian Malaysia telah bersama-sama memberi perhatian yang penting kepada masalah orang pelarian Indochina terutama dari Vietnam. Di dalam Pengisytiharan Terakhir, Ketua-ketua Kerajaan Komanwel telah mengharapkan supaya Vietnam akan terus bekerjasama dengan secara positif untuk mencapai penyelesaian yang kekal untuk masalah tersebut. Persidangan juga menyuarakan penghargaan terhadap usaha-usaha Malaysia di Asia Tenggara dalam perkara ini.

BANDUAN CHAN KIM WAI DI PENJARA PUDU

15. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar seorang perempuan bernama Chan Kim Wai (Nombor banduan 1837) yang telah datang ke Malaysia (ketika itu) dari Canton dalam tahun 1957 dan dibenarkan tinggal di sini sehingga 1967 dipenjarakan sejak 19.9.1969 di Penjara Pudu, Kuala Lumpur, kerana beliau enggan balik ke negeri China; apakah pihaknya ingin penjarakan wanita tersebut yang kini berusia 51 tahun sehingga ia meninggal dunia; dan nyatakan sama ada beliau akan melonggarkan perintahnya yang di kenakan atas sebab-sebab keperimanusiaan ke atas perempuan itu oleh pihaknya supaya perempuan tersebut boleh tinggal seperti orang-orang lain di Malaysia.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Saya sedar bahawa wanita yang bernama Chan Kim Wai ada ditahan sejak 27hb Oktober, 1969 di bawah Seksyen 34 Akta Imigresen 59/1963 kerana telah melakukan kesalahan tinggal di negeri ini tanpa kebenaran. Dia ditahan sementara menunggu persiapan untuk menghantarnya balik ke negara asal iaitu Macao.

Mengikut rekod, persiapan dan usaha bagi menghantarnya balik ke negeri asalnya telah dibuat sebanyak 12 kali tetapi semuanya gagal kerana dia enggan bekerjasama.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat itu, wanita tersebut ditahan di bawah kuatkuasa Seksyen 34 (1) Akta Imigresen 59/1963 iaitu sementara menunggu persiapan bagi menghantarnya pulang ke negara asal dapat dibuat. Sekiranya dia terus berdegil dan enggan bekerjasama tempoh tahanan itu tentulah akan menjadi lama. Saya tidak bercadang untuk melonggarkan perintah tersebut.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari wakil Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, beliau mesti sedar orang ini umurnya adalah sangat tinggi dan sudah ditahan dalam rumah tahanan lebih 10 tahun. Bolehkah beliau menimbang lagi sekali mengenai perkara ini supaya orang ini dapat tinggal di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab iaitu tidak bercadang untuk melonggarkan tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perempuan ini terus tinggal di sini dengan tidak ada kebenaran dan mengikut undang-undang yang ada beliau terpaksa dihantar balik, dan sekiranya dia terus enggan, dia akan terus ditahan.

Dr Hee Tien Lai: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam tempoh 20 tahun ini, adakah perempuan ini diberi kerja atau responsibility oleh kerana ini adalah kepentingan pysical.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana ini sudah jadi 20 tahun?

Dr Hee Tien Lai: Ini bukan satu criminal offence.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi macam mana boleh jadi 20 tahun. Dia ditahan pada 27hb Oktober, 1969 mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dr Hee Tien Lai: 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Janganlah jadi dua kali ganda pula.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini dia ada di dalam tahanan, jadi bagaimana hendak beri dia kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 16.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Baling.

BAHAYA MENGHISAP ROKOK

16. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan hingga bilakah Kerajaan akan terus membenarkan syarikat-syarikat rokok menaburkan bahayanya kepada rakyat dan sebaran am memungut wang dari iklan barang bahaya ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang memahami akan bahaya-bahaya menghisap rokok dan telahpun menganjurkan langkah-langkah yang bersesuaian untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya-bahaya ini termasuklah memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai dan mengadakan undang-undang seperti penggunaan label amaran bahaya merokok pada kotak-kotak rokok dan larangan merokok dalam pawagam-pawagam. Hendaklah disedari bahawa tabiat merokok telah lama wujud dan diterima sebagai satu cara hidup masyarakat di Malaysia dan lain-lain tempat di dunia ini, dan usaha-usaha untuk mengubah tabiat ini walau bagaimana sekalipun bahayanya kepada kesihatan akan memerlukan masa, kerjasama dan juga penyertaan yang aktif dari semua pihak dan orang ramai. Usaha ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Kesihatan semata-mata. Pengeeluaran rokok dan pengiklanannya adalah satu perkara yang kompleks dan Kerajaan sentiasa mengkaji akan implikasi-implikasinya kepada negara dan masyarakat. Sementara itu adalah perlu diteruskan usaha-usaha yang dijalankan sekarang terutama sekali memberi pendidikan kepada golongan yang muda dan yang mudah

terpengaruh bagi mewujudkan satu masyarakat yang dapat menganggap tabiat merokok sebagai satu cara hidup yang merbahaya supaya pada satu masa nanti tabiat ini dapat dikurangkan dan bahaya-bahayanya diminimakan dan jika boleh dicegah sama sekali. Kementerian Kesihatan akan terus berbuat sedaya upaya yang boleh bagi mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 adalah seperti berikut)

MAKTAB LATIHAN GURU— PENGAMBILAN GURU-GURU

17. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan Maktab Latihan Guru di Sabah dan kadar pengambilan guru-guru ke dalam Maktab-maktab ini sekarang dengan memberi angka mengikut kaum; dan
- (b) bilangan guru-guru pelatih dari Malaysia Barat dan sama ada benar bahawa guru-guru dari Malaysia Barat, selepas menamatkan latihan dan setelah berkhidmat beberapa tahun akan ditukarkan semula ke Semenanjung Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun:

- (a) Bilangan Maktab Latihan Guru di Sabah ialah tiga buah. Kadar pengambilan mengikut kaum bagi tahun 1979 adalah seperti berikut:

Bumiputra	...	431 orang
Bukan Bumiputra	...	34 orang

JUMLAH: 465 orang

- (b) Bilangan guru-guru pelatih dari Semenanjung adalah seperti berikut:

Pengambilan tahun 1979 untuk ke tahun pertama

Maktab Perguruan Gaya ... 86 orang

Maktab Perguruan Sandakan 27 orang

JUMLAH: 113 orang

Bilangan penuntut tahun pertama dan tahun kedua 1979

Maktab Perguruan Gaya ... 137 orang

Maktab Perguruan Sandakan 36 orang

JUMLAH: 173 orang

Guru-guru pelatih yang tamat latihan dan mula mengajar selepas Perkhidmatan Pelajaran dipersatukan mulai 1.7.78, hendaklah berkhidmat di Sabah selama 5 tahun. Selepas itu mereka bolehlah bermohon untuk dipertimbangkan bertukar ke Semenanjung jika terdapat kekosongan jawatan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Disember, 1979)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ditangguhkan pada petang semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedang menyampaikan ucapannya mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan tahun 1967. Saya jemput Yang Berhormat meneruskannya.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, semalam waktu Dewan ini ditangguhkan saya telah menerangkan bahawa Fasal 7 membuat peruntukan bagi meminda kadar pelepasan cukai untuk isteri daripada \$1,000 kepada \$2,000 dan menghapuskan pendapatan tenaga bagi isteri yang bekerja dan membuat taksiran atas nama suami.

Fasal 8 pula memperuntukkan pindaan bagi meninggikan elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri daripada 2 kali

ganda kepada 4 kali ganda jumlah pelepasan anak-anak yang pada masa ini adalah seperti berikut:

Anak pertama	...	\$800
Anak kedua	...	\$700
Anak ketiga	...	\$600
Anak Keempat	...	\$500
Anak kelima	...	\$400

Berhubung dengan elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri ini, sukalah saya menjelaskan bahawa elaun ini adalah diberi bertujuan untuk mengurangkan beban ibu-bapa yang menghantar anak-anak mereka belajar di universiti-universiti, maktab-maktab tinggi dan sebagainya di luar negeri dan bukannya untuk membiayai sepenuhnya pelajaran mereka di luar negeri.

Fasal 9 dan Fasal 10 memperuntukkan pindaan bagi seksyen 60 Akta ibu yang ada kaitannya dengan perusahaan insurans. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya baru-baru ini telahpun menyatakan bahawa kita perlu memberi galakan kepada sektor perkhidmatan khususnya perusahaan insurans memandangkan perusahaan ini mempunyai skop untuk berkembang yang amat luas. Pada masa sekarang keuntungan yang didapati daripada perniagaan insurans semula ke dalam negeri (inward reinsurance) adalah dikenakan cukai pada kadar 40%, padahal di negara-negara jiran kadar-kadar cukai yang dikenakan adalah di dalam langkungan 10% hingga 17% sahaja. Memandangkan ini, adalah dicadangkan supaya kadar ke atas keuntungan yang didapati daripada insurans semula dikurangkan daripada 40% menjadi 5% supaya perusahaan ini dapat bersaing dengan lebih berkesan lagi. Di samping itu adalah juga dicadangkan supaya dividen-dividen daripada keuntungan yang dikesualikan daripada cukai itu yang dibayar kepada pemegang-pemegang saham dikesualikan daripada cukai pendapatan. Dengan galakan ini adalah diharapkan layanan cukai yang lebih istimewa dapat diberikan bagi menggalakkan pengaliran masuk perniagaan insurans ke Malaysia dari luar negeri.

Pada masa ini pendapatan yang boleh dikenakan seseorang yang melebihi \$50,000 tetapi tidak melebihi \$75,000 dikenakan cukai pada kadar 50% manakala pendapatan yang

melebihi \$75,000 dikenakan cukai pada kadar 55%. Fasal 12 bertujuan meminda Bahagian I Jadual I kepada Akta ibu supaya pendapatan yang melebihi \$50,000 tetapi tidak melebihi \$75,000 dikenakan cukai pada kadar yang rendah sedikit iaitu 45% manakala pendapatan yang melebihi \$75,000 tetapi tidak melebihi \$100,000 dikenakan cukai pada kadar 50%. Pendapatan yang melebihi \$100,000 dikenakan cukai pada kadar 55%. Langkah ini adalah bertujuan untuk mendorong kepada usaha tenaga yang lebih giat lagi.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 13 membolehkan seseorang yang telah menanggung perbelanjaan atas usaha mencarigali yang gagal layak mendapat potongan sebanyak jumlah yang dibelanjakan itu daripada jumlah besar pendapatan. Adalah difikirkan bahawa pelombong (bukannya pemegang lesen) yang sebenarnya menjalankan usaha mencarigali dan menanggung perbelanjaan, patut dibenarkan potongan bagi perbelanjaan yang telah ditanggungnya itu.

Fasal 14 adalah menyediakan peruntukan untuk meminda Bahagian I Jadual 6 kepada Akta ibu bagi menarik balik pengecualian cukai pendapatan ke atas ganjaran dan pencen yang dibayar kepada kakitangan awam yang bersara sebelum umur 55 tahun dan menghadkan pengecualian ke atas ganjaran dan pencen persaraan yang dibayar kepada seseorang pekerja dalam sektor awam dan swasta yang bersara apabila meningkat umur 55 tahun atau meningkat umur wajib untuk bersara sepertimana yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telahpun menghuraikan sebab penarikan itu dibuat iaitu semata-mata untuk mengekalkan kakitangan Kerajaan yang kanan dan berpengalaman dalam perkhidmatan awam untuk menjamin keupayaan Kerajaan menjayakan Rancangan Malaysia Keempat. Walaupun pindaan ini berkuatkuasa dalam tahun taksiran 1980 namun begitu Fasal 1(4) mengekalkan hak dan kewajipan seseorang pekerja yang persaraannya telah diluluskan oleh majikannya sebelum hari ucapan Belanjawan iaitu 18hb Oktober 1979.

Fasal 15 memperuntukkan pindaan bagi melanjutkan tempoh elaun pelaburan semula sebanyak 25% daripada perbelanjaan modal

ke atas loji dan mesin dan bangunan perindustrian dari tempoh 3 tahun kepada 4 tahun mulai dari tahun taksiran 1980; iaitu bermula daripada 1hb Januari 1979.

Semasa Akta Cukai Pendapatan 1967 yang baru itu mula digunakan, peruntukan peralihan (transitional provision) telah dimasukkan di bawah Jadual 9 untuk mengekalkan pengecualian cukai pendapatan yang diberikan di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947 yang telah dimansuhkan itu. Akta yang baru ini juga mengandungi pengecualian yang berulang (overlapping). Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 16, akan menghapuskan pengecualian yang berulang ini. Ini akan mengelakkan seseorang pembayar cukai: yang mana pengecualiannya di bawah Akta yang baru telah ditarik balik; daripada membuat tuntutan bahawa pengecualiannya di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu masih lagi kekal.

Lain-lain fasal adalah merupakan pindaan-pindaan berhubung dengan soal-soal pentadbiran. Rang Undang-undang ini juga adalah bertujuan untuk menguatkuasakan pindaan-pindaan kecil yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

3.41 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bercakap sepatah dua dalam Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) ini.

Saya turut bersama dengan pihak yang kena membayar cukai pendapatan ini turut bersama gembira walaupun saya tidak dapat membayar cukai pendapatan kerana pendapatan saya barangkali tak kena bayar cukai. Walau bagaimanapun. . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini barangkali sahaja. Tak apa, teruskan!

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan 3 perkara dalam perbahasan ini.

Pertamanya soal isteri. Mengikut peruntukan yang diberikan oleh Akta Cukai Pendapatan ini hak lama pun setakat seorang isteri, hak inipun setakat seorang isteri sahaja, inilah yang saya hendak bangkitkan. Kenapakah kita menghadkan kepada seorang isteri, apakah isteri yang kedua itu tidak menjadi kewajipan bagi si suami untuk memberi segala-segala tanggungjawab perbelanjaan kepada isteri yang kedua atau yang ketiga ataupun yang keempat sedangkan perkara ini Tuhan (Allah) telah memberikan hak ataupun peluang kepada si suami untuk berkahwin empat jikalau dia ada mempunyai kemampuan dalam segenap bidang. Akta ini menghadkan kepada satu isteri saya rasa amatlah tidak adil.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, soal anak. Akta ini menghadkan setakat 5 orang anak sahaja. Soal anak ini kita tidak boleh menentukan kalaupun ada usaha-usaha Kerajaan ataupun zaman sains dan teknologi ini hendak menentukan 3, 4, 5, kalau mengikut Akta ini jangan lebih daripada 5, tetapi kalau Tuhan hendak memberi 10 tak apalah, terpaksa kita terima, tak payah hendak buat dia mari (*Ketawa*), tidak usah hendak disekatkan, dia kena mari ini kehendak Tuhan. Apa kata yang datang kemudian daripada 5 ini, Tuan Yang di-Pertua? Adakah tidak menjadi tanggungjawab si bapa, si ibu kepada anak yang lebih daripada 5 ini? Inipun tidak adil, kena bagi adil oleh kerana kita menunjukan kepada keadilan. Kalau anak nombor satu pun ada relief, nombor dua ada relief, nombor tiga ada relief, nombor empat ada relief, nombor lima ada relief, kalau 100 anak pun kena bagi relief barulah betul.

Satu lagi soalnya bapa dengan ibu, bermaknanya begini; kalaulah bapa miskin, ibu miskin, maka bertanggungjawablah si anak untuk menanggung bapa sebagaimana bapa dan ibu telah menjadi kewajipan untuk menanggung dan memelihara anak di waktu kecil, begitu jugalah anak mesti menanggung ataupun memelihara bapa dan ibu di waktu bapa itu tua dan anak ini besar.

Kenapakah tidak ada satu peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini dan pindaan kenapa tak dibuat untuk memberikan sedikit sebanyak kelepasan sekiranya kepada seseorang yang terpaksa memelihara ibu dan memelihara bapa. Inipun tidak adil, mesti diberikan keadilan dan mesti dibuatkan satu peruntukan untuk itu.

Saya rasa itu sahaja tiga perkara yang saya hendak bangkitkan dalam Dewan ini dan di akhir sekali saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.47 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Speaker, saya akan sentuh Fasal mengenai satu perkara telah membangkitkan satu kekeliruan di antara orang ramai ketika Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan mengenai pelepasan cukai bagi individu ialah \$5,000 tetapi pada seminggu dua selepas Belanjawan itu dibahaskan barulah satu berita dilaporkan di dalam suratkhbar yang menyatakan bahawa \$5,000 ini bukanlah dikecualikan dengan secara automatik, kecuali ada saudara tanggungan, jika ada, dan jika tidak, hanya \$4,000 sahaja yang boleh diberikan untuk sebagai pelepasan cukai bagi individu.

Tuan Speaker, saya tidak faham mengapa Kementerian Kewangan merasa keberatan dan kesusahan untuk memberikan satu pelepasan cukai bagi individu secara automatik \$5,000 sahaja. Kalaulah pada mula-mulanya anggapan dan pandangan orang ramai ialah \$5,000 secara automatik, bukanlah \$4,000, kecuali ada saudara tanggungan barulah diberikan \$1,000 sepertimana yang dinyatakan Huraian itu untuk nafkah saudara tanggungan jika ada. Kalau tidak ada saudara tanggungan, ertinya pelepasan cukai bagi individu ialah hanya \$4,000 sahaja.

Sebenarnya pada permulaan saya sendiri yakin ramainya Ahli-ahli Dewan ini juga adalah menganggap bahawa pelepasan cukai bagi individu ialah \$5,000 secara automatik, saya tidak tahu, bila Rang Undang-undang ini dibentangkan barulah kita sedar bahawa ini bukanlah secara automatik.

Di sini DAP perlu mencadangkan bahawa jika ada ini di dalam Rang Undang-undang ini perlulah dibatalkan supaya pelepasan

cukai bagi individu sejumlah \$5,000 ini adalah secara automatik, tidak usah minta pembayar-pembayar cukai menyatakan sama ada mereka mempunyai saudara tanggungan atau tidak. Ini akan memberikan satu faedah yang sangat besar jika perkataan "jika ada" atau "if any" ini boleh dibatalkan dan ertinya pelepasan cukai \$5,000 ini adalah diberi bagi individu ialah secara automatik \$5,000 untuk membantu meringankan tanggungan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, perkara kedua yang akan saya sentuh ialah juga dalam Fasal 8 yang berkenaan dengan elaun yang diberi kepada seseorang anak yang menuntut pelajaran di seberang laut iaitu dari jumlah dua kali ganda kepada empat kali ganda.

Tuan Speaker, sebenarnya dalam ucapan saya dalam perbahasan atas Belanjawan itu saya juga mencadangkan bahawa memandangkan United Kingdom atau New Zealand dan Australia sepertimana yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran baru-baru ini bahawa kenaikan yuran bagi negara-negara yang berkenaan tentu akan dilaksanakan pada tahun yang akan datang dan jumlah yuran yang dinaikkan itu bagi pelajar-pelajar dari seberang laut ini di ketiga-tiga negara ini adalah sangat tinggi. Maka DAP adalah mencadangkan pada saat itu iaitu bahawa tidak wajar bagi Kerajaan hanya menghadkan empat kali ganda elaun pelepasan bagi anak mereka yang menuntut pelajaran di seberang laut. Sebenarnya elaun sepenuhnya perlu diberikan kepada anak-anak mereka yang menuntut pelajaran di seberang laut. Faktor-faktor yang perlu diperhatikan oleh Kementerian Kewangan ialah pertamanya iaitu peluang pelajaran di kelima-lima universiti tempatan ini adalah sangat berkurangan dan sangat dihadkan. Maka untuk menggalakkan ibubapa boleh menghantar lebih ramai anak-anak mereka dapat berpeluang menuntut pelajaran di seberang laut supaya ini juga merupakan satu pelaburan kemanusiaan (a human manpower) di bidang pembinaan negara kita, maka Kerajaan atau Kementerian Kewangan perlulah membatalkan empat kali ganda ini dengan digantikan dengan satu perkataan iaitu "elaun sepenuhnya akan diberikan" supaya ibubapa yang miskin yang tidak dapat mencari tempat atau peluang untuk anaknya menuntut pelajaran di kelima-lima universiti tempatan ini bolehlah mendapat satu peluang di seberang laut.

Tadi saya ada berkata yuran bukan sahaja bertambah tetapi juga peluang pelajaran tinggi di negara kita adalah sangat berkurangan. Maka sebagai langkah yang wajar bagi Kementerian Kewangan untuk menggalakkan ibubapa kita menanam modal di bidang pelajaran untuk masa depan anak mereka maka fasal ini perlulah dipertimbangkan supaya empat kali ganda ini bolehlah dipinda dijadikan elaun sepenuhnya.

Akhirnya ialah mengenai pelepasan cukai bagi anak-anak. Saya memang merasa terperanjat bahawa bila individu dan isterinya, elaun mereka telah dinaikkan apakah sebabnya elaun pelepasan bagi anak-anak tidak dinaikkan juga kerana memandangkan inflasi dan kos penghidupan hari ini sudah melambung naik, maka adalah wajar bagi Kementerian Kewangan bertindak sewajarnya untuk menaikkan semua elaun yang diperuntukkan bagi kelima-lima anak, kalaulah boleh seperti mana yang DAP cadangkan iaitu bagi anak pertama ditambah sekurang-kurangnya \$1,500, bagi anak kedua \$1,200, bagi anak ketiga \$1,000, bagi anak keempat \$800 dan bagi anak kelima \$600. Saya yakin ini mungkin juga akan membawa satu faedah dari segi pelepasan cukai bagi keluarga yang ramai anaknya dan juga boleh secara langsung menolong keluarga-keluarga atau rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah ini dapat dikurangkan cukai mereka dari segi pelepasan bagi anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.45 ptg.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar dan juga Kota Melaka iaitu tentang pertamanya apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar mengapa tidak ada pengecualian untuk menanggung ibubapa.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu mungkin tidak membaca ataupun tidak meneliti Belanjawan baru-baru ini kerana bagi Belanjawan, 1980 telahpun disediakan satu pengecualian sebanyak \$1,000 bagi seseorang itu untuk menanggung saudaramara yang mana ditafsirkan bersama termasuklah ibu dan bapa.

Perkara ini dibangkit juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu mengapa tidak automatik. Mengapa "if any". Sebenarnya perkara ini akan dipinda di dalam Jawatankuasa kerana hasratnya ialah supaya pengecualian ini automatik diberi kepada semua. Jadi pindaan akan dibuat nanti.

Tentang elaun untuk anak belajar di luar negeri seperti yang disebutkan dalam ucapan saya tadi dan juga oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tempoh hari bukanlah tujuan Kerajaan untuk membiayai sepenuhnya kos membiayai anak di luar negeri atau belajar di luar negeri. Kerajaan hanya ingin mengurangkan beban kepada ibubapa yang ada anak belajar di luar negeri. Sekarang ini tidak ada tujuan untuk membiayai sepenuhnya.

Mengenai pelepasan cukai untuk anak-anak supaya ditambah, sebenarnya perkara ini telah dibangkitkan oleh berbagai-bagai golongan di dalam masa bukan sahaja tahun ini tetapi juga tahun lepas dan tahun sebelumnya oleh pihak-pihak yang telah dijemput oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan menghadiri Budget Consultation atau Perundingan Belanjawan di Kementerian di mana semua pihak boleh dikatakan, baik dari konsumernya, dari trade unionnya, dari sektor swastanya, semua membangkitkan supaya dapat ditambah pelepasan (relief) untuk anak ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ingat bahawa tahun lepas perkara ini telahpun dilaksanakan di mana pengecualian untuk anak pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima telahpun dinaikkan daripada kadar yang lama. Jadi buat masa ini tidaklah ada tujuan untuk menaikkan lagi. Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar tadi, perkara ini perkara lama juga, tentang mengapa isteri kedua, ketiga, keempat tidak kita beri pengecualian. Saya tidaklah hendak menafikan bahawa bila sudah kahwin dua, kahwin tiga itu tanggungjawab mesti ada, tetapi janganlah dipass pula tanggungjawab itu kepada Kerajaan untuk mendapat pengecualian. Dia berhak, jadi dia mesti bertanggungjawab menyara isterinya tetapi tidaklah boleh passkan pula tanggungjawab itu kepada Kerajaan dengan mendapatkan pelepasan cukai. Begitu

juga mendapat anak enam, tujuh, lapan, sembilan dan sepuluh katanya. Memang betul bapa bertanggungjawab menyara anak tetapi sekali lagi jangan pula passkan kepada Kerajaan, orang ramai untuk menanggungnya melalui pengecualian cukai. Saya rasa ini mungkin dibangkitkan secara berseluruh sahaja oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi saya rasa itu sahajalah yang hendak saya bangkitkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*)
Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 5—

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin di sini untuk meminta penjelasan dan keterangan lanjut daripada Timbalan Menteri Kewangan mengenai cara-cara pelaksanaan bagi nafkah saudara tanggungan yang diuntukkan sebanyak \$1,000 potongan itu. Kalau sekiranya yang ditanggung itu ialah bapa misalnya dan mempunyai beberapa orang anak yang juga kadang-kadang dalam kehidupan famili orang-orang Melayu misalnya setiap anak itu memberi contribution kepada orang tuanya. Jadi adakah potongan itu melibatkan semua anak-anak yang memberi contribution itu.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, ini hanya melibatkan anak-anak yang membayar cukai. Jadi kalau ada 5 anak, dua daripadanya membayar cukai, boleh menuntut satu kecuialian \$1,000 seorang relief untuk ibu bapanya atau saudara-mara.

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6—

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

Fasal 6: Gantikan dengan fasal 6 yang berikut—

“Pindaan bagi seksyen 46.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 46 dengan yang berikut—

“Deduction for individual and Hindu joint family.

46. In the case of an individual or a Hindu joint family resident for the basis year for a year of assessment, there shall allowed for that year of assessment personal deductions of—

- (a) four thousand ringgit for that individual or family; and
- (b) one thousand ringgit for dependent relatives.”

Clause 6: Substitute the following clause 6—

“Amendment of section 46.

6. The principal Act is amended by substituting for section 46 the following—

“Deduction for individual and Hindu joint family.

46. In the case of an individual or a Hindu joint family resident for the basis year for a year of assessment, there shall be allowed for that year of assessment personal deductions of—

- (a) four thousand ringgit for that individual or family; and
- (b) one thousand ringgit for dependent relatives.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 6 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8—

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

Fasal baru 8A: Masukkan fasal 8A yang berikut selepas fasal 8—

“Pindaan bagi seksyen 51.

8A. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan angka “46” dalam seksyen 51 dengan angka “47”.

New Clause 8A: Insert after clause 8 the following clause 8A—

“Amendment of section 51. 8A. The principal Act is amended by substituting for the figures “46” in section 51 the figures “47”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 8 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 hingga 16—

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan Fasal 14 iaitu mengenai orang-orang yang bersara dengan pilihannya sendiri kerana tidak termasuk dari pengecualian ini dan saya rasa patut juga ditimbangkan memandangkan orang itu mempunyai kesempatan pula untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang lain yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Kita tahu juga bahawa setengah-setengah pegawai kita telah memilih pada peringkat umurnya 45 tahun misalnya untuk mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan ini sudah tentu sesuai dengan dasar untuk menggalakkan penglibatan khususnya bumiputra dalam perniagaan. Saya rasa dengan tidak dikesualikan orang-orang yang berpencen dengan pilihan sendiri itu menyebabkan mereka ragu untuk melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Walaupun Kerajaan mungkin hendak menyekat mereka demi kepentingan pentadbiran, tetapi saya yakin bahawa dengan penglibatan mereka itu di dalam bidang perniagaan juga memberi keuntungan jangka panjang kepada masyarakat dan juga kepada dasar Kerajaan dan saya rasa seksyen ini perlu ditimbangkan dan dimasukkan juga pengecualian ini terhadap pegawai-pegawai yang memilih berpencen dengan kerelaannya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, Kerajaan tidak berhasrat untuk menghalang sesiapa juga daripada berpencen pada umur yang dipilihnya, cuma Undang-undang ini adalah untuk memastikan mereka kekal sehingga umur tahun supaya dapat kita menggunakan apa juga sumbangan yang dapat diberikan kepada negara, bukanlah seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi menghalang untuk kepentingan pentadbiran, tetapi untuk pentingan negara. Akan tetapi kalau

ada juga pegawai Kerajaan yang apabila telah sampai umur untuk pencen pilihan dia ingin juga untuk bersara dan dia tidak mementingkan sama ada dicukai atau tidak pencennya, maka saya rasa dia bebas untuk berbuat demikian, dia memikirkan secara apakah kepentingan dia dari segi itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya suka menjelaskan mengenai maksud halangan tadi iaitu sudah tentulah apabila tidak ada pengecualian maknanya dia terpaksa menunggu 5 tahun untuk pengecualian itu, itu juga adalah merupakan satu bentuk halangan sama ada besar atau tidak, tetapi itu merupakan satu halangan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, saya tidak setuju kerana kalau dia memikirkan dia duduk 5 tahun lagi dia dapat gaji dan pencennya akan dikesualikan; kalau difikirkan pula kalau dia bersara juga pencennya tak dikesualikan cukai tetapi gaji baru atau pendapatan baru itu jauh lebih besar, saya rasa dia lebih suka bersara juga.

Fasal 9 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AKTA CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 9 Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967 bagi maksud meninggikan kadar cukai keuntungan daripada 12½% kepada 15% atas keuntungan timah yang kena dicukai yang melebihi \$400,000.

Kenaikan kadar ini seperti yang diumumkan oleh Y.B.M. Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawaan 1980 yang dibentangkan di Dewan ini pada 18hb. Oktober 1979 adalah dibuat bagi membolehkan Kerajaan mendapat tambahan hasil dari syarikat-syarikat

lombong yang besar yang dijangka memperoleh keuntungan banyak berikutan dengan penyusunan semula duti eksport ke atas bijih timah seperti yang telah dihuraikan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkeruskannya Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) (NO. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.13 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengubah undang-undang yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat pindaan kepada undang-undang duti harta pesaka yang berkenaan bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan yang telah dibuat dalam Belanjawan 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya pada 18hb. Oktober 1979.

Fasal 3 membuat peruntukan bagi mengecualikan wang yang diterima kerana kematian di bawah suatu polisi insuran kemalangan diri.

Fasal 4 membuat peruntukan bagi membenarkan potongan untuk belanja pengurusan mayat sebanyak \$3,000. Ini adalah merupakan tambahan kepada jumlah potongan yang dibenarkan sekarang yang berjumlah \$1,000 atau 2.5% dari jumlah harta yang telah ditetapkan yang mana lebih rendah.

Fasal 5 membuat peruntukan bagi menaikkan had pengecualian yang ada sekarang iaitu \$50,000 kepada \$300,000 dan mengadakan kadar-kadar duti yang baru seperti yang diterangkan dalam Jadual Pertama. Had pengecualian dan kadar-kadar duti seperti yang dinyatakan adalah berkenaan dengan harta pesaka bagi seseorang yang mati berdomisil di Malaysia Barat.

Fasal 6 membuat peruntukan bagi tujuan yang sama iaitu meninggikan had pengecualian yang ada sekarang iaitu \$10,000 kepada \$60,000 dan mengadakan kadar duti yang baru seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Perubahan ini berkenaan dengan harta pesaka bagi seseorang yang mati berdomisil di luar Malaysia.

Perubahan-perubahan had pengecualian sepertimana yang dikatakan itu melibatkan tambahan enam kali ganda had pengecualian yang ada sekarang bagi harta pesaka seseorang yang mati berdomisil di Malaysia mahu pun yang mati berdomisil di luar Malaysia. Kenaikan had pengecualian ini adalah sejajar dengan paras harga serta nilai rumah dan lain-lain harta pada masa ini. Ianya juga bertujuan mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh waris-waris si mati ke atas tanggungan duti harta pesaka yang ditinnggalkan kepada mereka oleh si mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengubah

undang-undang yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.17 *ptg.*

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam perbincangan berkenaan dengan pindaan kepada Akta Kewangan Duti Harta Pusaka. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah meninggikan pengecualian duti harta pesaka daripada \$50,000 kepada \$300,000. Ini sebagaimana dikatakan adalah satu pergerakan supaya menolong mereka yang telah mewarisi harta-harta yang kurang pada \$300,000 memandangkan bahawa nilai rumah dan tanah sudah bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita cuba memahami Jadual yang berkaitan dengan duti harta pesaka seperti yang terkandung dalam ucapan Belanjawan 1980 dengan lebih teliti kita akan dapati bahawa apabila harta-harta pesaka yang diwarisi ditaksirkan ke atas paras \$700,000 maka duti harta pesaka yang akan dibayar adalah lebih tinggi pada kadar duti harta pesaka yang akan dibayar mengikut kadar yang berkuat kuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ini adalah satu cadangan supaya mereka yang mewarisi harta-harta yang bernilai lebih tinggi membayar duti harta pesaka yang sepatutnya mereka mampu membayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan terutama sekali Kementerian Kewangan kepada hakikat bahawa kebanyakan mereka yang mewarisi harta, mewarisi tanah pesaka, tanah-tanah pesaka ini adalah kebanyakannya terletak di dalam kawasan-kawasan pendalaman dan di kampung-kampung. Pada masa tanah ini diperolehi dari datuk nenek mereka akan tetapi dengan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan di sektor perindustrian dan perbandaran, tanah-tanah yang pada satu masa dahulu terletak di kawasan-kawasan mundur ini telah diserap ke dalam zon-zon perbandaran dan perindustrian

Dengan ini taksiran untuk harta-harta mereka ini pun telah dinaikkan beberapa kali ganda. Selain daripada tanah pesaka ini, mereka tidak mempunyai harta-harta yang lain kerana selama ini mereka hanya bergantung kepada usaha mereka untuk mencari nafkah hidup baik secara bertani ataupun kerja-kerja sebagai buruh kasar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu mereka tentu menghadapi kesulitan untuk membayar duti harta pesaka yang akan dikenakan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kerajaan akan mengadakan satu sistem untuk menolong mereka terutama sekali mereka yang termasuk ke dalam golongan yang saya katakan tadi membayar duti harta pesaka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.21 *ptg.*

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan terhadap pindaan kepada Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) (No. 2) 1979.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh tentang kadar mengenai duti harta pesaka ke atas paras \$700,000. Di sini saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan pada 18hb Oktober, 1979. Tujuan utama Kerajaan mengadakan struktur duti harta pesaka disusun semula adalah untuk mencapai matlamat pengagihan pendapatan dan harta. Saya sedar bahawa memang ada satu peratusan yang kecil yang benar-benar menghadapi kesulitan membayar duti harta pesaka yang dikenakan oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun, saya percaya jika mereka berusaha untuk meninjau cara-cara mengatasi masalah mereka seperti mengadakan perundingan dengan institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi perdagangan, mereka tentu akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi. Sebaliknya, mereka yang masuk dalam golongan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang patutlah berasa syukur kerana

mereka telah bernasib baik mewarisi harta-harta yang ada pada masa dahulu hanya merupakan tanah-tanah ladang dan tanah-tanah sawah akan tetapi dengan perkembangan rancangan-rancangan Kerajaan, harta-harta yang tersebut telah menjadi lebih bernilai. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1—

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

Fasal 1: Potong perkataan “Barat” dalam fasal-kecil (1).

Clause 1: Substitute for the words “extend throughout West Malaysia” in sub-clause (1) the words “apply throughout Malaysia”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

Fasal 2: Gantikan perkataan-perkataan “Malaysia Barat” dalam fasal-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “Sabah, Sarawak atau Malaysia Barat, mengikut mana yang berkenaan.”

Clause 2: Substitute for the words “West Malaysia” in sub-clause (1) the words “Sabah, Sarawak or West Malaysia, as the case may require”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 dan 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

Fasal 5 Potong perkataan “Barat”.

dan nota

bidai

kepadanya:

Clause 5 Delete the word “West”.

and the

marginal

note

thereto:

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6—

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

Fasal 6 Potong perkataan “Barat”.

dan nota

bidai

kepadanya:

Clause 6 Delete the word “West”.

and the

marginal

note

thereto:

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 6 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama—

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

JADUAL PERTAMA: Potong perkataan "BARAT".

FIRST SCHEDULE: Delete the word "WEST".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual Pertama sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua—

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan seperti di bawah ini:

JADUAL KEDUA: Potong perkataan "BARAT".

SECOND SCHEDULE: Delete the word "WEST".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual Kedua sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
GALAKAN PELABURAN (PINDAAN)
(No. 2)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membentangkan Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2) 1979 bagi meminda Akta Galakan Pelaburan 1968 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah perlu bagi melaksanakan cadangan Kerajaan untuk mengadakan peruntukan baru mengenai Galakan Elaun Eksport bagi menggantikan peruntukan Seksyen 29 yang ada sekarang ini

seperti mana diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Pelanjawan 1980 di Dewan ini pada 18hb Oktober 1979. Walaupun pindaan ini bercadang mengadakan peruntukan baru ianya tidaklah sekali-kali mengubah tujuan asal peruntukan Seksyen 29 tersebut iaitu untuk memberi galakan elaun eksport kepada pengeksport barang-barang perkilangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, eksport barang-barang perkilangan Malaysia telah bertambah dengan kadar yang menggalakan. Di antara tahun 1976-1978 jumlah eksport tahunan telah bertambah pada kadar 20.4% berbanding dengan 19.9% matlamat dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Arah-aliran ekonomi sedemikianlah yang harus diberi sokongan dan galakan bagi mengekalkan pertumbuhan eksport barang-barang perkilangan. Kita tidak boleh membiarkan rosotan ekonomi dunia menjejaskan rancangan-rancangan jangka panjang kita dalam usaha permodenan dan pembangunan perusahaan negara.

Oleh yang demikian, pindaan ini adalah perlu untuk:

- (a) Memberi galakan yang lebih baik kepada pengeksport-pengeksport barang-barang perkilangan terutama dalam usaha membantu mereka menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya rosotan ekonomi dunia;
- (b) Untuk mengadakan peruntukan yang lebih mudah berhubung dengan galakan tersebut berbanding peruntukan yang sedia ada terutama dari segi asas-asas pengiraan elaun yang layak diterima oleh pengeksport-pengeksport berkenaan;
- (c) Walau bagaimanapun, pindaan ini juga bertujuan mengadakan peruntukan tertentu untuk memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dengan persetujuan bertulis Menteri Kewangan, untuk mewartakan dalam *Warta Kerajaan* dari masa ke semasa keluaran-keluaran perkilangan yang tidak layak mendapat elaun. ini. Keluaran-keluaran yang dieksport yang mempunyai proses-proses pengeluaran yang mudah dan nilai ditambah (value added) yang rendah serta keluaran-keluaran "primary" akan diwartakan sebagai keluaran-keluaran yang tidak layak mendapat galakan ini. Ini akan

mengalakkan syarikat-syarikat pengilangan Malaysia memproses lebih mendalam keluaran-keluaran mereka sebelum dieksporth (bukan dalam bentuk "Components" atau "semi-finished products").

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Seksyen 29 yang ada sekarang telah mula berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1973. Di bawah peruntukan tersebut pengeksport barang-barang perkilangan Malaysia berhak mendapat elaun eksport sebanyak 5 sen bagi setiap ringgit pertambahan dalam jumlah jualan eksportnya yang dikira mengikut "ex-factory value". Elaun export berkenaan diberi 8 sen bagi setiap ringgit pertambahan dalam jumlah jualan eksport jika keluaran-keluaran yang dieksporth mempunyai lebih daripada 50% bahan-bahan mentah tempatan. Bagi maksud di atas, pertambahan dalam jualan eksport merupakan lebihan jumlah jualan eksport bagi tahun asas setelah ditolak purata jumlah jualan eksport 5 tahun atau 4 tahun sebelumnya. Jika pengeksport-pengeksport biasa mengeksport hanya pada tahun 1, 2 atau 3 sahaja, purata jumlah jualan eksport tahun-tahun berkenaan dikira 1/3 dari jumlah jualan eksport bagi tahun 1, 2 atau 3 itu. Galakan Elaun Eksport ini tidak diberi kepada syarikat-syarikat yang sedang menikmati Galakan Taraf Perintis, Galakan Menggunakan Buruh dan Galakan Penempatan.

Sejak Galakan Elaun Eksport tersebut diberi di bawah peruntukan Seksyen berkenaan, Kementerian saya sering menerima rungutan bahawa asas perkiraan elaun tersebut berlaku sukar. Banyak "paper work" yang perlu dilakukan untuk mendapat elaun yang kecil. Jika jualan eksport pada tahun asas tidak melebihi purata jualan eksport tahun-tahun sebelumnya, di bawah peruntukan sekarang pengeksport-pengeksport berkenaan tidak akan mendapat apa-apa elaun.

Jadi peruntukan Seksyen 29 yang ada sekarang ini kurang memberi faedah dan sukar dipenuhi oleh pengeksport-pengeksport. Sejak ianya dilaksanakan, hanya 95 buah syarikat perkilangan dan/atau pengeksport yang mengemukakan permohonan untuk mendapat elaun eksport berkenaan. Dari jumlah itu, 72 permohonan telah mendapat sokongan dari Kementerian saya supaya Jabatan Hasil Dalam Negeri memberi elaun tersebut kepada syarikat-syarikat berkenaan. Sementara 23 permohonan telah ditolak atas

beberapa alasan seperti keluaran-keluaran yang dieksporth adalah tidak layak mendapat elaun berkenaan dan terdapat juga syarikat-syarikat pemohon yang masih menikmati Galakan Taraf Perintis, Galakan Menggunakan Buruh dan Galakan Penempatan.

Jika kemelesetan ekonomi dunia berlaku terutama di negara-negara yang banyak membeli barang-barang keluaran Malaysia, adalah dijangka jumlah jualan eksport negara akan menurun. Dalam keadaan demikian, sudah tentu pengeksport-pengeksport barang pengilangan Malaysia menghadapi kesukaran untuk menambahkan jumlah jualan eksportnya. Pada ketika itu peruntukan Seksyen 29 tidak memberi apa-apa faedah langsung kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu pengeksport-pengeksport mengatasi masalah tersebut dan untuk menggalakkan pengeksport-pengeksport terus berusaha mengeksport barang-barang pengilangan Malaysia bagi mengekalkan kadar pertambahan eksport yang ada sekarang ini, adalah perlu Seksyen 29, Akta Galakan Pelaburan 1968 itu dipinda bagi mengadakan galakan yang lebih menarik di mana asas-asas pengiraan yang lebih mudah diberikan.

Di bawah Sub-seksyen 2 (b), Seksyen 2 kepada Rang Undang-undang pindaan ini, pengeksport-pengeksport akan mendapat:

- (a) 2% elaun eksport dari pendapatan kasar yang didapati dari jualan eksport pada tahun asas;
- (b) 10% elaun eksport ke atas tambahan atau perbezaan di antara pendapatan kasar yang didapati dari jualan eksport tahun asas dengan pendapatan kasar tahun-tahun sebelumnya tetapi tahun-tahun tersebut tidaklah awal dari tahun taksiran 1973.

Di bawah Seksyen 2 Rang Undang-undang pindaan ini juga satu peruntukan Sub-seksyen 2 (c) diwujudkan untuk membolehkan pengeksport-pengeksport yang mengeksport barang-barang perkilangan Malaysia buat pertama kali mendapat faedah dari galakan ini dengan melayakkan mereka mendapat 12% elaun eksport daripada pendapatan kasar jualan eksport tahun asasnya.

Kadar Galakan di bawah Rang Undang-undang pindaan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1980 dan tahun taksiran

selepasnya, tidak lagi akan dibeza-bezakan di antara pengeksport yang mengeksport keluaran-keluaran yang mempunyai lebih 50% atau kurang 50% bahan-bahan mentah tempatan. Dengan ini adalah diharapkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat pengilangan dan/atau pengeksport barang-barang keluaran Malaysia akan menikmati faedah dari galakan elaun eksport ini.

Sub-seksyen (3), Seksyen 2 Rang Undang-undang pindaan ini merupakan Sub-seksyen baru bagi menggantikan Sub-seksyen (4) Seksyen 29 yang ada sekarang ini untuk memberi tafsiran berkenaan dengan perkataan pendapatan kasar iaitu dikira pada nilai kilang (ex-factory value) setelah ditolak apa-apa diskaun perniagaan dan ianya tidak termasuk pendapatan kasar di atas eksport keluaran-keluaran yang diisytiharkan tidak layak menerima elaun ini.

Sementara di bawah Sub-seksyen (4), Seksyen 2 Rang Undang-undang ini Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dengan persetujuan Menteri Kewangan, berkuasa mengisytiharkan melalui *Warta Kerajaan* keluaran-keluaran yang tidak layak mendapat galakan elaun eksport ini. Dalam hal ini, walaupun Kerajaan bermurah hati memberi elaun eksport dalam usaha membantu pengeksport-pengeksport keluaran Malaysia, keluaran-keluaran yang mempunyai proses pengeluaran yang mudah (simple) dan nilai ditambah (value added) yang rendah serta keluaran-keluaran "primary" akan diisytiharkan sebagai keluaran-keluaran yang tidak layak mendapat elaun ini.

Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini adalah dijangkakan sektor perkilangan akan berkembang dengan lebih pesat lagi dan seterusnya menambahkan sumbangan terhadap prestasi eksport negara serta menambatkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Galakan Pelaburan 1968 d' baca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kangar.

4.40 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya juga berharap sebagaimana disuarakan oleh Timbalan Menteri tadi kerana di dalam ini yang besarnya ialah meminda satu perkara yang memberi elaun kepada barang eksport daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan banyaknya rombongan-rombongan khasnya yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia maka dengan inilah saya percaya salah satu daripada sumber ataupun jalan yang banyak negara-negara asing ingin mengambil barang-barang yang di dalam negara kita Malaysia. Dengan itu tentulah banyak barang-barang yang dapat dieksport macam mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi.

Apa yang saya berharap di sini bahawa dengan banyaknya eksport yang akan diberi elaun tambahan barang-barang eksport kepada syarikat-syarikat, saya percaya bukan sahaja syarikat-syarikat itu akan mendapat keuntungan bahkan dengan banyaknya industri-tentulah banyak juga pekerja-pekerja ataupun salah satu daripada cara untuk mengurangkan pengangguran yang ada dalam Malaysia kita walaupun pengangguran itu tidak dapat dikikis agak saya dengan sekali gus ataupun tidak dapat dikikis langsung kerana manusia bertambah banyak, tetapi dengan banyaknya industri-industri yang ada tentulah sedikit sebanyak akan mengurangkan penganggur-penganggur yang ada dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dasar Kerajaan kita adalah sama rata dan cukup adil dan banyak sebab-sebab kadang-kadang industri ataupun kilang-kilang ini tidak dapat didirikan di setengah-setengah tempat khasnya di negeri-negeri yang kurang maju sebab kita menghadapi banyak masalah misalnya bekalan elektrik.

Satu contoh, CIMA ataupun kilang simen di Perlis. Masalahnya kadang-kadang kita terpaksa mengeluarkan belanja yang banyak kerana elektrik terpaksa disalur daripada Seberang Perai. Itu setakat yang saya tahu. Akibatnya harga simen dinaikkan. Jadi dengan sebab itu saya percaya, kalaulah lah industri-industri ataupun kilang-kilang

yang besar hendak didirikan di luar bandar banyak masalah yang akan timbul, seperti kekurangan bahan-bahan sebagainya. Tetapi walau macam manapun sebagaimana kita sama-sama maklum ada dua perkara yang utama yang kita hadapi. Selain daripada kita berkehendakkan kepada wang untuk negara, kita juga menghadapi masalah sosial dan kita sungguh-sungguh memikirkan bagaimanakah masalah rakyat dan sosial ini dapat di atasi.

Saya berharap di samping apa yang dicadangkan oleh Menteri tadi elauan eksport bermakna barang-barang yang dieksport itu tolonglah beri keistimewaan kepada negeri-negeri yang kurang maju khususnya di Perlis. Walaupun biasa disebut oleh Menteri yang berkenaan tentang banyaknya masalah seperti kekurangan bahan-bahan, payah itu dan ini saya berharap tolonglah beri keistimewaan, kerana seperti saya katakan tadi selain daripada kita berkehendak kepada kewangan, keadaan sosial menambahkan pengangguran dengan itu tidaklah jadi sangat, yang mana penduduk negeri-negeri yang kurang maju di Malaysia ini kedapatan rakyat daripada Perlis baik, Kelantan baik; walaupun pada hari keadaannya sudah kurang tetapi masih ada orang-orang yang suka berhijrah ke Kuala Lumpur walhal tanah di Kuala Lumpur dengan tanah di Perlis, kalau hendak dibandingkan suasana ataupun cuaca terutama sekali di sebelah petang lebih baik di Perlis dan Kelantan seperti Pantai Cinta Berahi, Kuala Perlis dan Kuala Kedah cukup baik. Tetapi terpaksa rakyat negeri Perlis berpusu-pusu datang ke Kuala Lumpur tidak lain tidak bukan agak saya kerana mencari pekerjaan kerana di pekan Kuala Lumpur dan sebagainya terlampau banyak industri di mana anak-anak muda yang menganggur ini dapat pekerjaan. Saya yakin dan percaya kalaulah industri-industri yang akan dibina dengan pelaburan yang kian bertambah kerana usaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri dengan Menterinya sendiri melawat dan saya percaya kadang-kadang Timbalan Menterinya keluar melawat untuk mencari pelaburan selain daripada kita import bahan-bahan daripada luar negeri, kita juga berharap sangat-sangat eksport kita akan lebih banyak. Dasar ini sangat-sangat setuju. Tetapi di samping itu saya menekankan sangat walaupun ada, kita carilah satu jalan bagaimana negeri yang kurang maju atau lebih tepat

negeri yang kurang industri, berikhtiar dengan Kerajaan Pusat dan Kementerian tolong tunjuk apakah perkara-perkara yang boleh membanayakan industri dan dengan adanya industri dapat kita mengurangkan kadar pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri berkenaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.45 ptg.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah melafazkan buah fikiran mengenai dasar menarik pelaburan dan mewujudkan perindustrian di negara kita ini yang mana Ahli Yang Berhormat telah menekankan bahawa kita mesti memberi segala galakan di tempat yang kurang maju, supaya masalah pengangguran dapat diatasi.

Sukalah saya menjelaskan bahawa ini memanglah dasar Kerajaan dan juga ikhtiar-ikhtiar yang dijalankan oleh Kementerian saya ialah untuk menyelerakkan (dispersal) penubuhan perindustrian kepada kawasan yang kurang maju dan ini dijalankan dengan mengadakan galakan penempatan satu kilang di tempat yang kurang maju itu, exemption daripada cukai pendapatan boleh diperolehi sampai 10 tahun. Saya pun sedar bahawa di tempat-tempat atau kawasan yang kurang maju yang ada industri ada timbul masalah seperti bekalan elektrik yang tidak cukup dan pengangkutan jauh daripada pasaran. Ini berlaku dari masa ke semasa tetapi Kementerian saya juga ada langkah untuk mengatasi masalah seperti itu yang mana di tempat yang kurang maju dengan sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan Negeri, kita pun telah menubuhkan kawasan perindustrian (industrial estate) yang mana kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan sebagainya dilengkapi seberapa baik yang boleh.

Ini adalah satu langkah yang boleh menarik pelabur-pelabur untuk menempatkan kilang-kilang di tempat yang kurang maju.

Inilah sahaja jawapan saya kepada cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PEMBANGUNAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966" dibacakan buat kali yang kedua.

Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 untuk membolehkan dengan cara usul dalam Dewan Rakyat, pemberian secara langsung (grant) dibuat atau pinjaman mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan diberi kepada satu-satu syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi satu-satu kaum.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada 9hb Februari, 1978, Yayasan Pelaburan Bumiputra telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 dalam bentuk syarikat berhad menurut jaminan (company limited by guarantee). Penubuhan dengan bentuk ini ialah untuk memastikan bahawa Yayasan Pelaburan Bumiputra akan wujud berterusan dan juga Yayasan akan bertanggungjawab kepada Kerajaan ke atas perjalanannya. Untuk menentukan adanya kawalan Kerajaan, Kerajaan telah melantik Ahli-ahli Lembaga Amanah bagi mentadbirkan Yayasan ini. Pengurus Lembaga ini

ialah Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri dan Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan sebagai Timbalan Pengerusi. Untuk menjaga keutuhan Yayasan, Ahli-ahli Yayasan Pelaburan Bumiputra adalah terdiri daripada "Minister of Finance Incorporated" sebagai ahli tetap yang tunggal dan 4 orang lagi sebagai ahli biasa. Keahlian dalam Yayasan ini hanya boleh diluluskan oleh "Minister of Finance Incorporated".

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun 1978 yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 16hb Disember, 1977, Yayasan ini telah mendapat peruntukan yang pertama berjumlah \$200 juta mengikut peruntukan undang-undang di bawah seksyen 3, Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966. Juga seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Belanjawan tahun 1980, Dewan Rakyat yang mulia ini telah meluluskan peruntukan sebanyak \$300 juta lagi untuk Yayasan. Untuk menyempurnakan rancangan ini, maka tujuan-tujuan yang ada di bawah Jadual Pertama kepada seksyen 3 mestilah ditambah dengan memasukkan suatu tujuan baru seperti yang dicadangkan sekarang ini ke dalam senarai tujuan di bawah Jadual Pertama kepada seksyen 3, Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan sekarang, Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 dipinda dan pindaan ini dikuatkuasakan kebelakangan dari tarikh 1hb Disember, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Pindaan ini

dan juga saya suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tidak dapat dinafikan bahawa Rang Undang-undang Pindaan ini yang dinamakan Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan) 1979 ialah satu Rang Undang-undang yang sangat mustahak dari segi pembangunan ekonomi negara kita. Saya faham bahawa Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk membolehkan pemberian atau pinjaman dibuat kepada sesebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat tahun 1965 sebagaimana yang ditetapkan oleh Dewan Rakyat dengan tujuan untuk pembangunan ekonomi. Sungguhpun Rang Undang-undang ini mempunyai tujuan yang penting, tujuan yang baik akan tetapi saya melafazkan harapan saya bahawa setiap permohonan yang dibuat oleh syarikat-syarikat untuk mendapatkan pemberian atau pinjaman patutlah diteliti dengan mendalam oleh pihak Kerajaan sebelum meluluskan sesuatu pemberian atau pinjaman itu. Saya suka mengesyorkan bahawa sebelum pihak Kerajaan memberikan kelulusan kepada sesebuah syarikat itu, syarikat tersebut hendaklah terlebih dahulu memuaskan pihak Kerajaan bahawa projek-projek mereka benar-benar viable dan benar-benar untuk kepentingan pembangunan ekonomi negara kita. Andainya sesuatu pemberian atau pinjaman itu tidak benar-benar diteliti atau mungkin mengikut pengaruh sesuatu pihak, saya percaya bahawa Akta ini tidak mempunyai apa-apa erti dan tidak dapat menunaikan tujuannya.

Selain daripada itu setelah pihak Kerajaan memberikan kelulusan kepada sesebuah syarikat maka Kerajaan mestilah wajib membuat pengawasan dan kawalan lebih ketat untuk menentukan bahawa tidak akan berlaku apa-apa penyelewengan atau salahguna wang itu yang pada mulanya diminta atau dipinjam atas nama pembangunan ekonomi negara kita.

Satu point lagi yang saya ingin menyentuh di sini ialah saya suka menarik perhatian ini kepada perkataan "pemberian atau pinjaman". Tuan Yang di-Pertua, pinjaman mempunyai pengertian yang lain dan pemberian mempunyai pengertian yang berlainan pula. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri atas dasar atau basis apakah sesuatu pemberian itu diluluskan dan

atas basis apakah sesuatu pinjaman itu diluluskan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan atas perkara ini untuk makluman Dewan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.59 *ptg.*

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar kerana telah membuat beberapa syorsyor dan juga memberi pandangannya. Beliau mengesyorkan bahawa sebelum kelulusan sesuatu pinjaman ataupun grant kepada mana-mana syarikat diberi Kerajaan hendaklah memastikan bahawa projek-projeknya adalah viable dan untuk kepentingan negara dan juga beliau mengesyorkan supaya kawalan ketat diadakan terhadap ini.

Sukacitalah saya memaklumkan bahawa di pihak Kementerian Kewangan sendiri telahpun diadakan langkah-langkah yang khusus, bukan sahaja untuk memastikan bahawa pinjaman ataupun pemberian yang diberi kepada syarikat-syarikat dan juga lain-lain badan-badan yang berhak menerima pemberian ataupun pinjaman ini, diberi khusus untuk tujuan-tujuan yang akan memberi nikmat kepada rakyat ataupun memberi faedah kepada kepentingan negara, tetapi juga Kementerian telah menyediakan langkah-langkah supaya kawalan, penelitian dan juga pengesanan penggunaan kewangan itu digunakan dengan baik oleh badan yang menerimanya. Ini saya percaya akan memastikan dalam jangka masa panjang supaya setiap ringgit yang kita telah salurkan kepada syarikat-syarikat atau badan-badan ini akan benar-benar mendatangkan faedah kepada negara.

Tentang maklumat yang perlu diperolehi oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu tentang asas atau basis apa pinjaman ataupun geran diberi, sukacitalah saya memaklumkan bahawa pada asasnya Kerajaan, yakni pihak Kementerian akan menimbangkan sama ada sesuatu projek itu jikalau ianya 100% secara langsung (direct) untuk kepentingan rakyat dan diperhatikan bahawa perlu diberi subsidi penuh melalui pemberian secara langsung tanpa dikenakan apa-apa bunga atau syarat-syarat, maka akan diberi cara geran, tetapi

pinjaman diberi jikalau dipastikan bahawa Kerajaan hanya menganggap ia perlu memudahkan sahaja proses itu berjalan. Maknanya kewangan diberi dengan kos kepada badan-badan atau syarikat itu kerana dianggap bahawa syarikat itu dapat menanggung kos wang yang diberikan tadi dan juga kerja yang dijalankannya adalah boleh mendatangkan keuntungan yang mana ia boleh dalam jangka masa panjang melalui masa membayar balik pinjaman, maka akan diberi kepada pinjaman, terutama sekali bagi projek-projek yang kandungan sosialnya amat besar maka pada dasarnya geran diberi tetapi kalau ada berbentuk perniagaan (commercial) sedikit ataupun kebanyak perniagaan (commercial), diharap ia akan dengan sendiri mendapat keuntungan maka ia akan dianggap sebagai boleh menanggung kos, maka diberi sebagai pinjaman dengan berbagai syarat.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3—

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai Fasal 3, iaitu tadi walaupun telah diterangkan secara am bahawa geran akan diberikan kepada projek-projek yang berbentuk sosial tetapi ini adalah soal yang sangat subjektif untuk menentukan perkara-perkara yang disebutkan tadi. Jadi apakah pada masa sekarang ini pihak Kementerian sudah mempunyai satu garis panduan bagi menentukan suatu yang dikatakan untuk mendapat geran atau prinsip-prinsip tertentu bagi mendapatkan geran.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Memang ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, di sini dikatakan bahawa pinjaman ataupun geran itu tertakluk kepada syarikat-syarikat yang tertentu yang akan ditentukan oleh Menteri Kewangan. Ini juga saya rasa kalau sekiranya Yang Berhormat

Timbalan Menteri berkenaan boleh terangkan apakah syarat-syarat kerana di sana ada syarat-syarat yang tetap dan juga syarat-syarat yang boleh dikembangkan mengikut keadaan. Saya harap kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan syarat-syarat yang tetap yang dalam perencanaan Kementerian Kewangan mengenai syarat-syarat yang boleh mengawal dan menjamin bahawa geran atau pinjaman dapat benar-benar memberi kesan sepertimana yang ditetapkan dalam tujuan ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, syarat-syarat itu bolehlah dikategorikan dalam berbagai bentuk. Satunya dari segi pentadbiran di mana, antara lain, Kementerian Kewangan memestikan atau memerlukan supaya wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan sendiri hadir ataupun menjadi sebagai Ahli Lembaga Pengarah di dalam badan yang menerima wang tadi, sama ada secara geran ataupun pinjaman. Itu satu daripadanya. Juga kita ada syarat seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa badan-badan ini mesti mengemukakan penyata kewangannya (financial statement) mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan, bukan sahaja kepada Kementerian Kewangan tetapi kepada Dewan ini juga, ada kalanya mengikut Akta Pertubuhan badan itu sendiri. Satu lagi ialah jikalau diberi sebagai pinjaman, maka syarat-syarat biasanya ialah dari segi kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman, juga syarat pelepasan tempoh bayaran (grace period) ditentukan, kemudian jadual bayarannya juga ditentukan. Ada kalanya dalam menentukan kadar-kadar atau syarat-syarat ini Kementerian Kewangan juga ingin mengetahui apakah kadar pulangan (rate of return) pelaburan yang akan dibuat oleh badan itu dengan wang yang diterima. Jadi perkara-perkara ini menjadi perkara asalah, banyak perkara lain juga yang menjadi asas mengikut badan yang menerima, mengikut agensi yang datang untuk mendapatkan pinjaman tadi. Jadi syarat kadangkadangkang asas tetapi ada kalanya spesifik atau tertentu untuk badan-badan asas tetapi ada tertentu untuk badan-badan yang datang ke hadapan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, tadi telah diterangkan bahawa penyata-penyata itu akan dikemukakan juga di Parlimen. Tetapi oleh kerana bantuan ini ataupun geran dan pinjaman

ini kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di bawah Companies Act, jadi saya ragu-ragu bahawa penyata yang demikian akan dibentangkan di Parlimen kerana misalnya selalu kita bangkitkan di Dewan ini mengenai PETRONAS, itulah alasannya bahawa penyata mengenai PETRONAS itu tidak dapat dikemukakan kepada Dewan ini kerana ia didaftarkan di bawah Companies Act. Jadi saya harap bahawa jaminan ini akan dapat dilaksanakan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawa penyata ataupun laporan-laporan akan diberi juga kepada Dewan ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu salah faham apa yang saya katakan tadi. Saya kata mengikut Undang-undang Tubuhnyanya, jadi kalau Undang-undang Tubuhnyanya mengatakan dia melaporkan di sini maka di sini dilaporkan, tetapi jikalau Undang-undang Tubuhnyanya di bawah Undang-undang Syarikat di mana dia tidak mesti dilaporkan di sini maka tidaklah dilaporkan. Jadi saya terangkan begitu tadi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, syarat-syarat yang dikatakan tadi sebenarnya apa yang saya dapat fahamkan ialah syarat-syarat yang biasa sahaja, tetapi apa yang perlu di sini ialah suatu jaminan yang lebih berkesan kerana kita dapati bahawa syarikat-syarikat yang ada, baik dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah badan berkanun tertamanya, kita dapati bahawa banyak daripada syarikat-syarikat itu menghabiskan public funds sahaja kerana kerugian dan juga berbagai-bagai akibat yang merugikan public funds. Saya harap di dalam memberikan geran atau loan ini kita hendaklah memastikan bahawa perkara-perkara itu tidak berlaku, tertamanya apa lagi kompeni-kompeni ini ditubuhkan bukan maknanya kontrol secara langsung daripada Kerajaan padahal kompeni-kompeni yang dikontrol secara langsung oleh Kerajaan pun kita dapati banyak yang bankrap.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, itu tidaklah benar banyak kompeni-kompeni Kerajaan yang bankrap kerana biasanya yang dapat publisiti yang ada masalah itu tetapi yang dapat banyak untung, yang berjalan licin itu kadang-kadang kurang dapat publisiti. Jadi saya harap statement

ini dapat dibetulkanlah kerana gambaran ini tidaklah begitu buruk dan pihak Kerajaan sendiri amat memandang berat manamana juga syarikat-syarikatnya, sama ada anak syarikat yang ditubuhkan oleh agensi Kerajaan jika ada apa-apa masalahnya Kerajaan sendiri mengambil berat. Itulah dari masa ke masa seperti saya katakan tadi Kementerian yang bertanggungjawab secara langsung seperti Kementerian yang bertanggungjawab secara langsung seperti Kementerian Kewangan mengambil langkah, kadang-kadang itu datang ke Dewan Rakyat yang mulia ini untuk mendapat kelulusan pindaan kepada berbagai-bagai Akta supaya kawalan (control) ini dapat dicarikan jalan dengan ketat selain daripada kawalan dan akan mengetatkan kawalan pentadbiran.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TEMPATAN), PINJAMAN LUAR NEGERI DAN LANJUTAN KREDIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pinjaman Luarnegeri 1963 dan Akta Lanjutan Kredit 1966" dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian besar daripada pembiayaan pembangunan sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah dijangka diperolehi daripada sumber-sumber pinjaman dari dalam dan juga dari luar negeri. Pinjaman dari dalam negeri berbentuk jangka pertengahan dan jangka panjang adalah diperolehi di bawah kuasa Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959. Pinjaman dari luar negeri adalah diperolehi di bawah kuasa Akta Pinjaman Luarnegeri, 1963 dan sumber-sumbernya ialah pasaran wang antarabangsa, Bank Ekspot-Impot dan sumber-sumber seperti Kumpulanwang Saudi dan Kuwait.

Akta Lanjutan Kredit, 1966 pula memberi kuasa kepada Kerajaan membuat peraturan-peraturan pinjaman dengan cara lanjutan kredit iaitu membolehkan bayaran secara tangguhan untuk barang-barang dan perkhidmatan yang diterima oleh Kerajaan dari punca luar negeri.

Semasa Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959 mula dikuatkuasakan, jumlah pinjaman yang boleh diperolehi dari dalam negeri dihadkan sebanyak \$300 juta sahaja. Had ini telah dinaikkan mengikut keadaan dari masa ke semasa dengan meminda Ordinan tersebut sehingga had ini meningkat kepada \$15,000 juta pada tahun 1976. Adalah dianggarkan bahawa jumlah pinjaman dari dalam negeri yang akan diperolehi di bawah Ordinan ini untuk menampung keperluan Rancangan Malaysia Keempat adalah dalam lingkungan \$18,000 juta hingga \$20,000 juta dan jumlah ini akan melebihi had yang ditetapkan oleh Ordinan tersebut. Mengikut peruntukan Akta Pinjaman Luarnegeri, 1963 dan pindaannya pada tahun 1977 Kerajaan berkuasa meminjam daripada sumber-sumber luar negeri bagi tujuan-tujuan pembangunan hingga kepada satu jumlah yang tidak melebihi \$5,000 juta. Akta Lanjutan Kredit 1966 dan Pindaannya pada tahun 1973 pula telah menetapkan had lanjutan kredit kepada \$1,300 juta. Adalah dianggarkan bahawa jumlah pinjaman yang perlu diperolehi di bawah ketiga-tiga Ordinan dan Akta tersebut untuk membiayai Rancangan Malaysia Keempat akan melebihi had-had yang ditetapkan oleh Ordinan dan Akta-akta berkenaan. Oleh itu ketiga-tiga Ordinan dan Akta ini mestilah dipinda untuk menaikkan had-had yang ditetapkan. Untuk melicinkan kerja-kerja pentadbiran, dan untuk mengelakkan pindaan-pindaan dibuat berulang kali, saya mencadangkan supaya ketiga-tiga Ordinan dan Akta ini dipinda dengan memperuntukkan had pinjaman akan ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Jumlah-jumlah had pinjaman ini bolehlah dipinda dan ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dari masa ke semasa dengan perintah yang diwartakan. Perintah ini pula akan dibentangkan di Dewan Rakyat dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, ketiga-tiga Ordinan dan Akta yang berkaitan ini tidak menentukan siapakah yang boleh

menandatangani perjanjian-perjanjian pinjaman, bagaimana dan kepada siapa Menteri boleh mewakili kuasanya bagi menandatangani perjanjian tersebut. Dengan ketiadaan peruntukan ini maka Kementerian saya terpaksa merujuk kepada peruntukan-peruntukan Interpretation Act, 1962, Government Contract Act, 1949 dan Delegation of Power Ordinan, 1956. Oleh itu, untuk menyenangkan kerja-kerja pentadbiran, saya mencadangkan satu peruntukan baru ditambah kepada ketiga-tiga Ordinan dan Akta ini. Peruntukan baru ini menyatakan sebarang pinjaman yang diperolehi di bawah ketiga-tiga Ordinan dan Akta ini mestilah di atas nama Kerajaan Persekutuan dan boleh ditandatangani oleh Menteri atau orang-orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.

Saya suka menegaskan di sini yang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang tentang paras hutang negara kita. Pinjaman-pinjaman yang kita buat hanya untuk projek-projek pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat sahaja dan yang memerlukan pertukaran wang asing yang banyak. Kementerian saya juga sentiasa menjaga kedudukan hutang negara untuk memastikan bahawa kedudukan pembayaran balik hutang tersebut sentiasa dikawal. Beban khidmat bayar hutang negara kita adalah kecil jika dibandingkan dengan beban yang ditanggung oleh negara-negara dunia ketiga yang lain. Ini adalah dicerminkan oleh nisbah bawaran hutang kepada jumlah eksport dan perkhidmatan atau lebih dikenali dengan nisbah khidmat bayar hutang. Khidmat bayar hutang bagi negara-negara Indonesia, Thailand, Filipina dan Korea Selatan adalah masing-masing berada pada kadar 11.2%, 2.4%, 6.6% dan 8.9% dalam tahun 1976, berbanding dengan 4.3% bagi negara kita. Nisbah khidmat bayar hutang negara kita yang berasaskan kepada bayaran khidmat bagi hutang Kerajaan Persekutuan kepada eksport barang-barang dan perkhidmatan telah turun dari 3.9% dalam tahun 1978 kepada 2.5% dalam tahun 1979, disebabkan terutamanya oleh kurang pembayaran balik pokok pinjaman pasaran luarnegeri. Jika khidmat bayar hutang bagi pinjaman yang belum selesai oleh badan-badan berkanun diambil kira, nisbah khidmat bayar hutang dianggarkan berada pada 4.3% berbanding dengan 5% dalam tahun 1978. Saya suka menekankan yang negara kita sentiasa menepati jadual bayaran hutangnya. Faktor-faktor

ini telah menyebabkan Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Tabung Kewangan Antarabangsa berpendapat yang negara kita masih boleh meminjam lebih banyak lagi untuk projek pembangunan kita, dan perbelanjaan kita bagi membayar faedah-faedah dan hutang negara adalah di antara yang paling rendah sekali di dunia.

Untuk membolehkan perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dirancang dan dilaksanakan, adalah amat perlu ketiga-tiga Ordinan dan Akta ini dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pinjaman Luarnegeri 1963 dan Akta Lanjutan Kredit 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang, dan terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi bahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1979)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3), 1979

5.20 ptg.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan tambahan sebanyak \$1,166,182,552 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1979. Keperluan bagi membentangkan Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1979 adalah berjumlah \$1,198,602,027 tetapi sebanyak \$1,166,182,552 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini kerana sebanyak \$32,419,475 dari peruntukan tersebut merupakan perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan terbesar yang diminta dalam Anggaran Tambahan ini iaitu sebanyak \$950 juta adalah untuk menambah peruntukan Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan tambahan ini, maka jumlah peruntukan bagi Kumpulanwang Pembangunan yang diperolehi daripada Kumpulanwang Disatukan dalam tahun 1979 adalah sebanyak \$1,450 juta.

Selain dari itu sebanyak \$109 juta adalah diperlukan sebagai tambahan subsidi Kerajaan ke atas minyak tanah dan disel dan sebanyak \$20 juta sebagai subsidi kepada

Lembaga Padi dan Beras Negara dalam bentuk modal tambahan untuk pembelian padi.

Tambahan peruntukan ini juga memerlukan sebanyak \$25 juta sebagai sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ke atas perbelanjaan 5% daripada kos pekerjaan bagi tiap-tiap projek pembangunan Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan dalam negeri masing-masing. Sumbangan ini merupakan perbelanjaan perkhidmatan untuk memastikan projek-projek tersebut berjalan dengan licin dan teratur. Di samping itu, sebanyak \$20 juta diperlukan bagi menampung perbelanjaan melaksanakan berbagai projek kecil tambahan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kedudukan sosio-ekonomi di luar bandar.

Lain-lain peruntukan yang besar adalah untuk menampung tambahan perbelanjaan di dalam sektor Pentadbiran Am seperti pembelian alat kelengkapan, sewaan ruang-ruang pejabat; dan lain-lain aktiviti pentadbiran untuk meningkatkan lagi keupayaan dan mutu perkhidmatan Kerajaan, terutamanya di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini adalah seperti diuraikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1979.

Dengan tambahan sebanyak \$1,166,182,552 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah Anggaran Perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1979 ialah sebanyak \$7,901,410,672. Jika dimasukkan anggaran perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$2,006,206,795 maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1979 ialah \$9,907,617,467.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ucapan ini, saya akan mengemukakan suatu cadangan ke atas usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga Tahun 1979.

Peruntukan sebanyak \$219,547,830 adalah dikehendaki dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga, Tahun 1979 sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan asal, Tambahan Pertama dan Kedua tahun 1979 yang berjumlah \$7,921,499,484. Dengan cadangan tambahan ini, peruntukan

bagi 1979 akan berjumlah \$8,141,047,314. Dari jumlah \$219,547,830 yang dimasukkan dalam Anggaran Tambahan ini, sebanyak \$27,571,762 adalah merupakan perbelanjaan pinjaman manakala selainnya sebanyak \$191,976,068 adalah perbelanjaan cara langsung.

Pembahagian tambahan peruntukan yang dicadangkan mengikut sektor adalah seperti berikut: Peruntukan sebanyak \$92.9 juta adalah diperlukan di bawah sektor Keselamatan untuk membiayai sebahagian perbelanjaan membeli kapal, kapal terbang dan alat-alat kelengkapan Angkatan Tentera.

Di bawah sektor Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, peruntukan tambahan sebanyak \$42.5 juta adalah dikehendaki. Dari peruntukan ini, sebanyak \$36.2 juta diperlukan bagi mempercepatkan pembangunan sosio-ekonomi dari segi pembukaan tanah-tanah baru oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Tanah Negeri Kelantan. Bakinya diperlukan sebagai pinjaman kepada koperasi-koperasi dan bagi melaksanakan kajian "hydrography" dan kerja mengorek alur Sungai Tumpat di Kelantan.

Di bawah sektor Perdagangan dan Perindustrian, sebanyak \$40.1 juta adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$20 juta diperlukan sebagai modal yang dibayar (paid-up capital) kepada Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad untuk menggalakkan pembangunan perindustrian; \$10 juta sebagai pinjaman kepada Syarikat Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad (MSE) untuk penambahan modal Syarikat tersebut dan \$8 juta untuk penambahan ekuiti Kerajaan dalam Syarikat Malaysia Explosive Sendirian Berhad (MALEK) bagi menambah keupayaan pengeluaran syarikat tersebut.

Di bawah sektor Kemudahan-kemudahan Awam, tambahan sebanyak \$30 juta adalah diperlukan untuk penambahan ekuiti Kerajaan dalam Lembaga Letrik Negara.

Di bawah sektor Pentadbiran Am pula, tambahan sebanyak \$11.8 juta adalah diperlukan bagi membiayai pelbagai projek pembangunan di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja, Muzium Negara dan Jabatan Penerangan.

Di bawah sektor Pengangkutan, tambahan sebanyak \$2.1 juta adalah dikehendaki bagi menyiapkan projek pembinaan jeti di Tanjung Bruas, Melaka; membeli alat-alat penyelenggaraan rel dan pemindahan setinggan-setinggan yang tinggal di sepanjang jalan Keretapi di Sg. Way, Selangor; dan pembinaan bangunan Ibu Pejabat, Jalan Laut, Sabah.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam memorandam Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1973.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan bagi memperuntukan wang itu maksud-maksud yang tertentu, dibaca kali yang kedua sekarang, dan soalnya juga Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini bagi diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis dibacakan kali yang kedua sekarang, terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.35 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Peruntukan Tambahan yang telah diminta oleh Kementerian yang berkenaan yang telah dibawa oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang telah dibentangkan baharu sebentar maka nyatalah kepada kita apa yang telah dibelanjakan oleh Kementerian ataupun oleh negara kita adalah satu-satunya perkara yang perlu belaka. Maka dengan sebab itu saya berpendapat bukan kadar ini sahaja bahkan kalau lebih daripada ini pun, kalau difikirkan satu-satu keperluan untuk negara, kebaikan

untuk rakyat maka saya percaya Dewan yang mulia ini tidak teragak-agak untuk meluluskan peruntukan yang telah diminta itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya sukalah mengesyorkan beberapa perkara yang pada pendapat saya untuk memperbaiki lagi yang mana kita telah maklum sebagaimana yang saya katakan kalaulah satu-satu perkara itu untuk kebaikan kepada negara maka tidaklah menjadi hairan dan pelek kepada Kerajaan kita untuk membelanjakan walaupun lebih daripada itu, maka dengan itu saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh mengenai soal keselamatan sebagai perkara yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan adalah satu perkara yang amat penting dan perlu. Dan saya agak harus juga pada tahun 1980 walaupun benda itu belum tiba lagi, haruslah soalan tambahan ini akan dilakukan juga dengan sebab kalaulah takdir halangan, dan baharu-baharu ini Timbalan Perdana Menteri telah melawat ke Negeri Perlis dan beliau telah sempat mengunjungi dua tempat yang akan menjadi tambahan hasil kepada Negeri Perlis, satu ampangan air dan satu-satu pagar keselamatan. Setelah di tinjau di atas apa yang telah berlaku maka pagar keselamatan ini betul-betul menambahkan selamat kepada negara Malaysia, kerana Perlis sebagai satu daripada negeri yang ada di dalam Malaysia dan Perlis adalah pintu utara selain daripada Kelantan untuk masuk ke Malaysia.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum pagar itu dilaksanakan maka berbagai-bagai tohmah telah dituduh kepada siapa yang mencadangkan akan mengadakan pagar tersebut tetapi rupanya selepas pagar itu dilaksanakan walaupun kadang-kadang dipecahkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tetapi telah menjadi kenyataan kepada kita bersama, bahawa sesudah pagar itu dilaksanakan, sebagaimana saya katakan tadi, dua perkara yang menjadi kebaikan kepada negara kita: satu keselamatan—selamat daripada sebelum adanya pagar, kerana pihak-pihak musuh sama ada komunis ataupun anasir subversif adalah payah hendak masuk disebabkan adanya pagar yang berkenaan; yang kedua menjadi satu kebaikan yang amat besar kepada negara kita sebagai satu pendapatan perolehan negara. Sekarang ini haruslah kita bangga dengan adanya pagar yang tersebut di sempadan iaitu di

Padang Besar, salah satu daripada sempadan yang ada di dalam Malaysia hari ini dengan adanya pagar tersebut adalah sungguh membanggakan kita.

Maka dengan kebanggaan itulah baru-baru ini sebagaimana saya katakan tadi patut diperbaiki lagi. Hari ini telah 6-12-79, saya percaya Budget telah diluluskan pada petang semalam, maka tentulah bila hendak mengadakan akan ditambah lagi. Saya berpendapat tambahan apa yang tidak sesuai. Setahu saya, saya baca dalam akhbar walaupun saya mengikuti bersama, jalan-jalan yang berhampiran dengan sempadan yang sekarang ini boleh dikatakan tanah-tanah merah untuk mengelokkan lagi, kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terpaksa ditarkan. Bila ditar bolehlah pihak Pengawal Keselamatan berjalan di situ dengan cepat. Walaupun memakan belanja yang banyak macam saya kata tadi, tetapi pihak anasir subversif dan penyeludup-penyeludup tidak akan memasuki walau di mana sekalipun kerana selain daripada pagar-pagar yang ada, pihak Pengawal Keselamatan boleh pergi dengan cepat dengan adanya jalan yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Begitu juga setahu saya akan ditanam di tepinya, untuk menambahkan hasil kepada negara seperti pokok-pokok jati dan sebagainya. Ada satu jenis yang disebut tadi, saya pun tidak ingat hendak sebut, tetapi walau bagaimanapun salah satu daripadanya ialah rotan yang mana kita tahu hari ini kita kekurangan rotan. Jadi apa yang akan dibuat di situ menjadi keselamatan kepada negara dan akan menambahkan kewangan kepada negara kita. Dengan itu saya percaya di masa yang akan datang akan menjadi tambahan yang banyak lagi kepada negara kita tetapi sebagaimana saya kata tadi walaupun banyak mana kita hendak tambah tetapi kalau benda itu akan menjadi kebaikan kepada negara, saya percaya Dewan ini tidak akan teragak-agak menyokong untuk meluluskannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di Malaysia ini banyak sempadan, kalau di utara Perlis, Kelantan di timur, di selatan Johor Bahru, begitulah di tempat-tempat yang lain. Saya berpendapat kalaulah di Perlis ada penyeludupan yang selain daripada perkara-perkara yang membawa keselamatan kita terancam seperti senjata dan sebagainya, begitu juga perkara-perkara yang

membawa kepada makanan kepada negara tetapi walau bagaimanapun untuk keselamatan, untuk menjaga kewangan tentu Kerajaan kita tidak membenarkan dengan sewenang-wenangnya. Dengan sebab itu Kerajaan terpaksa menyekat dan mengambil cukai. Kalaulah macam saya katakan tadi, Perlis di bahagian utara, begitu juga di selatan Johor dan sebagainya kita kedengaran hari ini, walaupun saya tidak pernah nampak; beratus-ratus beg yang telah diseludupkan mengandungi bijih timah melalui berbagai-bagai saluran, berbagai-bagai sempadan di Johor Bahru untuk lari daripada cukai dan sebagainya.

Saya percaya kalau di utara ada sempadan yang patut dipagar, di selatan juga saya berpendapat patut dipagar. Kalaulah hari ini, misalnya, daripada sempadan Tambak Johor kita mendapat cukai sebulan \$4 juta misalnya saya percaya kalau diawasi lagi harus kita akan dapat sampai \$12 juta sebulan, berbanding dengan apa yang kita dapat di sempadan utara Malaysia-Thai.

Dengan sebab itu saya mengesyorkan di sini di mana sahaja menjadi sempadan negeri kita Malaysia, bukan sahaja di utara atau di timur atau di selatan, pagarkanlah walaupun terpaksa mengeluarkan belanja berjuta-juta ringgit. Percayalah selepas kita buat jangka panjang kita akan dapat kelebihan yang lebih banyak lagi. Macam hari ini saya tahu pagar akan dibuat sampai ke Chungloon, dan saya syorkan juga patut diadakan pagar di Kroh dan begitu juga macam saya kata tadi pagarkanlah di selatan walaupun ada laut, tetapi kalau dipagar kita boleh jaga dengan lebih baik lagi kerana boleh diawasi, tidak boleh seludup atau tidak boleh dibawa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat cadangan saya ini akan diterima oleh pihak Kerajaan dan ini adalah telah menjadi kenyataan kepada kita bersama. Keluarkanlah wang banyak mana sekalipun asalkan wang itu menjadi kebaikan dan faedah maka wang itu akan dapat kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang telah menjadi satu masalah juga kepada kita bersama hari ini walaupun kita tahu Kerajaan akan menjalankan berbagai-bagai rancangan tetapi pelaksanaan tidak dapat dijalankan dengan begitu licin dan seberapa segera yang boleh sebab salah satu daripadanya macam saya

biasa kata dalam Dewan yang mulia ini, kerana kita kekurangan pegawai. Jadi saya percaya dengan Operasi Isi Penuh yang telah dilancarkan oleh Kerajaan kekurangan ini pada masa yang akan datang tidak akan timbul lagi.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, yang saya berharap sangat-sangat biarlah sesuatu rancangan yang akan dijalankan itu dengan jangka masa yang tepat. Maksudnya dengan jangka masa yang tepat ialah dengan rancangan yang tepat dan dengan keadaan yang tepat. Sebab saya kata begitu, kedapatan hari ini telah selalu berlaku kadang-kadang kita telah membuat peruntukan, misalnya kepada satu negeri baik Perlis atau di mana sahaja sebanyak \$20 juta. Mengikut kelaziman Kerajaan kita kerana ada peraturan, bila sampai kepada bulan 12 wang yang telah diuntukkan itu mestilah dihabiskan ataupun kalau tidak dihabiskan mestilah dipulangkan balik kepada pihak Perbendaharaan Malaysia. Ini selalu berlaku.

Dengan sebab itu saya suka mencadangkan di sini supaya macam saya kata tadi, buat satu jangka masa perancangan yang tertentu. Misalnya, hendak bubuh tanah merah dan hendak tabur batu dan sebagainya, janganlah sudah hampir penghujung tahun, tambahan pula dengan musim tengkujuh dan sebagainya baru hendak dibuat. Saya percaya sebagai jangka masa yang panjang, sebagai rancangan yang patut kita rancang macam saya kata tadi baik tanah merah ataupun batu "tiga-lapan" dan sebagainya, begitu juga jalan. Kalau kita buat pada musim tengkujuh, kalau tidak tengkujuh pun masa yang hujannya lebat ataupun tempatnya tidak baik, saya percaya kalau pada masa biasa tanahnya cantik, elok dengan tidak ada air dan sebagainya, kalau sepatutnya kita bubuh 10 lori di masa yang sederhana dengan tidak ada air dan hujan tetapi kalau keadaan tanah ditempat itu telah menjadi banjir walaupun tidak sebanjir macam di Kelantan, saya percaya 30 lori pun tidak cukup.

Dengan sebab itu macam saya kata tadi jangka masa perancangan yang tepat mestilah dijalankan sebelum wang itu diberi kepada negeri-negeri. Janganlah sampai bulan 12 hendak dibuat tergendala, wang tidak dapat dihabiskan terpaksa dihantar balik. Dengan sebab itu tempat yang becak, tempat yang sepatutnya ada jalan terpaksa dibuat segera.

Hendak hantar pun nanti orang kata Kerajaan tidak tahu hendak belanjakan wang. Tetapi bila hendak dibelanjakan, caranya tidak teratur dan wang pun datang terlampau lambat. Perkara ini selalu berlaku, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat-sangatlah kepada Kementerian atau pihak Kerajaan mengawasi apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya juga berkenaan dengan ketua-ketua pejabat. Saya biasa menyatakan kalaulah satu-satu peruntukan; ini kalau saya silap saya haraplah mendapat penjelasan dari Menteri supaya diterima dengan tenang kerana sebagai manusia kadang-kadang kita juga tidak begitu teliti; ada yang mengatakan setakat \$10,000 satu-satu rancangan boleh dibuat oleh ketua-ketua pejabat yang berkenaan dengan tidak payah kontrak. Tetapi hari ini setakat yang saya dapat tahu sampai \$5,000 sekalipun mestilah dijalankan mengikut cara kontrak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan cara kontrak, dengan peraturan-peraturan, wang kita terselamat, tetapi kadang-kadang dengan banyak tangga sangat inipun kalaulah sekadar hendak bantu mempercepatkan satu-satu rancangan, saya fikir cara ini tidak patutlah kita gunakan. Macam kita belanja hari ini, kalau mengikut peraturan memang boleh sebab itulah kita hendak luluskan hari ini. Pendek kata kalau hari ini kita boleh luluskan dengan angka yang banyak yang saya payah hendak sebut—saya kata terusterang. Dengan sebab itu kalaulah setakat \$10,000 ataupun \$5,000 berilah kuasa kepada ketua-ketua pejabat dengan tidak payah dibuka tender dan sebagainya barulah rancangan itu dapat berjalan dengan segera, baik pejabat Pelajaran Negeri, atau Pejabat Pertanian Negeri boleh dijalankan oleh ketua-ketua pejabat yang berkenaan dengan tidak payah masuk tender dan sebagainya.

Ini saya percaya akan menjadikan kerja-kerja lebih licin dan kalau difikirkan satu perkara itu perlu dan penting patutlah diberi kepada ketua-ketua pejabat yang berkenaan yang mana saya dapat tahu sebentar tadi \$10,000 boleh dijalankan dengan tidak pakai tender tetapi hari ini masih ditender walaupun \$5,000. Ini saya harap kalau boleh peraturan ini dapat dilaksanakan ataupun dapat dijalankan sebagaimana saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang juga kita berasa sedih ialah negara kita hari ini telah menjalankan berbagai-bagai rancangan dengan memerlukan peruntukan perbelanjaan yang banyak dan kalau tidak cukup kita tambahkan lagi, tetapi masih kedapatan orang-orang yang kita sendiri beri makan tetapi mereka ini dengan lantang menjahanamkan balik orang yang telah memberi kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut dari segi perikemanusiaan, amatlah tidak patut seorang itu tidak tahu membalas budi orang yang berjasa dan kalau mengikut segi agama amatlah berdosa tidak membalas budi orang yang berbudi kepada kita.

Sebagai contoh ibubapa, amatlah berdosa bagi kita tidak taat kepada Allah yang menjadikan kita. Ini sebagai contoh kepada kita untuk kemudian hari kelak. Tetapi masih ada orang-orang yang kita beri khasnya pelajar-pelajar baik di luar negeri atau dalam negeri yang saya dapat tahu daripada kalangan tertentu kadang-kadang mereka ini telah mencari jalan atau membawa fitnah yang memburuk-burukkan kerajaan kita sendiri sebagai pelajar-pelajar di luar negeri dan di setengah-setengah institusi pelajaran tinggi. Kerajaan kita hari ini kita tahu di segenap segi sama ada di segi pembangunan, di segi kerohanian, agama dan sebagainya boleh dikatakan dua hala. Dari segi pembangunan, Kerajaan kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit, begitu juga di segi kerohanian dengan mengadakan berbagai dakwah, binaan dan sebagainya. Dengan sebab itu saya berpendapat tidaklah menasabah dan tidaklah adil kalau ada manusia baikpun dari orang awam apatah lagi pelajar-pelajar yang Kerajaan sendiri membiayai mereka dengan memberi scholarship dan sebagainya kadang-kadang mereka ini dengan cara tidak langsung menjahanamkan kita balik. Perkara ini saya harap sangat-sangat kerana satu-satu benda itu dia tidak akan menjadi besar dengan sertamerta melainkan dengan cara berdikit-dikit.

Seperti yang kita lihat hari ini kita yang diperbesarkan oleh Tuhan pun tidak jadi dengan sebesar ini sekali gus bahkan daripada sebesar tapak kaki seberat 6 atau 7 lb, lama kelamaan kita makan menjadikan sebesar kita yang ada sekarang. Begitu juga seperti kita lihat busut dan sebagainya dibuat oleh anai-anai walaupun sedikit-sedikit tetapi lama kelamaan hingga payah kita hendak

membongkar busut yang telah jadi dengan cara sedikit demi sedikit itu. Ini yang saya takut. Walaupun kadang-kadang kita tidak pandang begitu serius kerana hasutan-hasutan daripada setengah-setengah pelajar, setengah-setengah orang yang mengatakan Kerajaan kita hari ini tidak mengambil berat dalam agama, setengahnya pergi ke kampung dengan pengajian-pengajian yang lain. Ini saya amat takut kerana hari ini kalaulah dakyah yang semacam ini kadang-kadang orang kampung mudah terpengaruh kerana kita tahu orang kita mudah dihinggap penyakit iaitu di segi kebangsaan dan di segi agama mereka sangat mudah tertarik.

Dengan sebab itu saya merayu dan berharap untuk kebaikan negara kita bersama tolonglah awasi betul-betul supaya tidak dipengaruhi penyakit yang tidak bertanggung-jawab. Kita tahu Kerajaan kita mengambil berat tentang bab agama. Saya takut bila menyeluruh fahaman yang membenci satu sama lain seolah olah akulah yang alim, bila lihat orang lain di tengah jalan kita ludah seperti yang dilaporkan dalam akhbar dahulu. Saya tidak mahu tuduh mana-mana pihak tetapi saya sedih. Saya selalu kata, dalam mana-mana majlis kita manusia tetap manusia, kita bukan malaikat tetapi janganlah berlagak macam malaikat dan jangan juga berlagak seperti yang satu lagi yang lain daripada malaikat atau lain daripada manusia. Manusia tetap manusia ini selalu saya tegaskan di mana-mana Majlis saya dipanggil baik belia, baik masjid. Ini saya tegaskan janganlah ada golongan seolah-olah akulah aku. Yang setengah pula lupa daratan, ini saya tidak sokong, saya tidak mahu jadi lupa daratan.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak bangga walaupun saya tahu dengar takbir masih ada wuduk semasa saya bercakap ini tetapi saya tidak bersetuju orang yang hendak menunjuk yang dia itu warak seolah-olah yang lain semuanya haram. Ini berlaku dalam masyarakat kita yang saya cukup sedih saya katakan ini bukan saya lupa daratan. Saya juga masih ada wuduk, bukanlah syarat wuduk hendak bercakap di sini tetapi, sebagai satu kenyataan apa yang saya cakapkan tetapi bila hendak lebih-lebih sangat seolah-olah akulah aku yang paling warak orang lain semua tidak guna, ini berlawanan dengan Islam. Ini sedang berjalan dalam negara kita, baik dari segi orang dewasa atau di segi pelajar-pelajar.

Saya berharap sangat-sangat untuk kebaikan negara kita, agama Islam yang berkehendakkan kepada kemajuan dunia dan akhirat sebagaimana yang kita tahu agama Islam ialah agama yang membawa kebaikan kepada dunia dan akhirat berlawanan dengan kalau ada orang kata Islam adalah untuk dunia semata-mata. Saya bukanlah pandai sangat tetapi saya selalu dengar tok guru berkata, dan saya yakin bahawa agama Islam bukanlah agama untuk akhirat semata-mata. Kalau satu golongan itu membawa untuk akhirat semata-mata saya amatlah sedih, kalau hendak memikirkan untuk dunia dan nafsu semata-mata saya amat sedih dan dukacita. Dengan sebab itu saya ulang berkali-kali gejala-gejala yang tidak bertanggungjawab dari mana-mana pihak patut diawasi betul-betul supaya negara kita akan bertambah aman walaupun hari ini sudah aman kalau dibandingkan dengan negara lain tetapi bertambah aman lagi kerana kita tahu sesihat-sihat manusia, seaman-aman manusia kadang-kadang ada juga gejala yang tidak bertanggungjawab. Saya akui kita ini aman tetapi ada juga seperti kata orang, walau macam manapun sebagai manusia tentulah ada keburukan. Sebaik-baik orang ada juga musuh. Kalau tidak masakan kita hendak pakai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ini sudah adat kepada dunia.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada segi kesihatan. Walaupun saya biasa bercakap di Dewan yang mulia ini, saya rasa dukacita atas satu perkara, bukanlah saya hendak membangga-banggakan negeri saya tetapi ini telah menjadi adat kepada manusia kalau kita berlawan bola di antara satu kampung dengan satu kampung tentulah kita memihak kepada kampung kita. Kalau satu negeri dengan satu negeri tentulah kita memihak kepada negeri kita. Kalau Perlis lawan Kedah tentulah Shaari sebelah Perlis sebab dia orang Perlis. Kalau Malaysia lawan dengan Indonesia dan sebagainya saya hendakkan Malaysia menang sebab saya dalam negara Malaysia. Begitulah semangat kedaerahan tentulah tidak dapat hendak elak. Apa yang saya hendak suarkan ini ialah keadilan dan cara benda yang tepat.

Kalau tidak silap saya, saya rasa dukacita hospital Kangar itu bukanlah hospital yang penuh, kalau tidak silap ialah sebagai Hospital Besar Kangar atas naungan daerah bukan hospital besar sebagai hospital negeri. Dengan sebab itu katanya

ada bahagian-bahagian yang kekurangan yang didapati dengan sebab taraf hospital tadi. Kalau perkara ini betul saya harap dapat diawasi.

Yang kedua, di segi keselamatan adalah perlu bagi kita walaupun kita bercakap berkali-kali, di segi kesihatan tidak kurang. Walaupun kita selamat, banyak wang kalau badan tidak sihat terjadi macam saya tengahari ini pening terpaksa makan panadol, walau macam manapun kalau tidak sihat tentulah kita tidak boleh duduk. Kesihatan amatlah perlu kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak nampak macam pening, sudah 24 minit bercakap. (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Tadi Tuan Yang di Pertua, masih ada Panadol dalam poket saya. Sekarang sudah hilang pening.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah mustahak kepada kita. Walaupun Hospital Besar Kangar sudah ada tetapi kerap kali beberapa perkara telah berlaku. Satu, saya berharap sangat kepada Kerajaan kalau hendak tambah belanja pun tambahlah. Hospital Besar ini di mana pun saya percaya bagus. Kelas satunya amatlah baik saya sendiri biasa masuk, dilayan oleh nurse-nurse sehingga kita pun kadang-kadang tidak mahu hendak balik kampung. Seronok duduk di hospital, ini ikhlas saya bercakap. Saya percaya begitu juga Kelas Dua. Tetapi saya sendiri biasa melihat orang di Kelas Tiga dan biasa hadir dan masuk di Kelas Tiga. Amboi! Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya menggunakan perkataan "amboi", seolah-olah tidak sanggup hendak duduk walaupun sampai dua hari. Tetapi apakan daya oleh sebab sakit tidak dapat dielakkan terpaksalah duduk juga di Kelas Tiga. Sebab yang menjadi begitu bukanlah sebab semata-mata tentang layanan, layanan itu adalah salah satu sebab. Biasa saya dapati, saya amat sedih melihat orang yang sakit sudahlah tua, orang sakit ini kadang-kadang bila sakit ada yang sakit cemar kecuali sakit yang tidak dapat cemar seperti sakit darah tinggi, TB, sakit jantung, minta dijauhkan Tuhan, lihat badannya elok tahu-tahu sudah meninggal dunia. Itu orang sakit jantung, darah tinggi kerap kali berlaku. Kita minta dijauhkan Tuhan. Tetapi kalau macam penyakit kena kecederaan, demam dan sebagainya kalau lama-lama badan pun sudah berbau lain. Begitulah juga kalau

cedera berat tentulah keadaan badannya tidak seperti biasa, bukan hendak kata busuk. Ini amat pelek tetapi tentulah tidak semacam mana badan yang tidak sakit.

Jadi, ada setengah-setengah pihak yang berkenaan yang saya sendiri biasa tengok tidaklah begitu menyenangkan tentang layanan kepada orang yang sakit saya maksudkan tadi. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan di sini, dalam soal tambah ini, kalau perlu tambah pada dua tiga perkara.

Pertama, besarkanlah wad-wad yang Kelas Tiga seperti yang saya maksudkan itu. Wad kecederaan kalau boleh dibesarkan, kadang-kadang hampir berlaga kepala. Saya harap berilah layanan yang istimewa juga. Kalau boleh orang yang di Kelas Satu macam wakil dari Kangar biasa masuk, diberi layanan istimewa. Izinkanlah saya kata terus terang, bawa isteri dan keluarga bersama, layanan hospital pun diberi. Ada setengah orang yang susah, Tuan Yang di-Pertua, sedih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Keluarga masuk semua dalam hospital?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, bawa masuk dalam hospital, mereka bawa buah epal dan macam-macam lagi. Dalam Kelas Tiga kadang-kadang yang sedih sudahlah hamba Allah ini sakit duduk di Kelas Tiga, layanan daripada pihak yang berkenaan tidak begitu menyenangkan. Macam kata pepatah: Hina manusia kerana miskin, hina binatang kerana kurus, hina besi kerana karat. Kalau boleh kita sebagai seorang Islam dan berperni kemanusiaan tolonglah beri keistimewaan kepada orang-orang yang sakit teruk-teruk, tambah lagi orang tua-tua yang tidak dapat sambutan dan kurang keluarga. Ini yang saya harap sangat-sangat dilayan.

Selain daripada tempat, kalau boleh, berilah satu kursus khas kepada pegawai-pegawai hospital ini baik di peringkat mana pun yang menjalankan tugas mereka. Selain daripada mereka tahu basuh, tahu ikat di mana luka, diberi kursus peri kemanusiaan dan sopan santun melayan orang sakit. Ini adalah satu perkara yang amat perlu. Saya selalu tegaskan dan saya percaya salah satu ubat yang paling baik daripada ubat yang sebenar ialah layanan lemah-lembut pun sebahagian daripada ubat. Sebab itu biasa saya bercakap dalam Dewan ini kadang-kadang orang yang

bercakap keras itu dia menjadi sebagai satu bahaya ataupun racun kepada orang sakit. Ini saya harap sangat-sangat diambil perhatian.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, memandang selalu berlaku dalam soal jawab dan sebagainya, doktor selalu meletakkan jawatan kerana mendapat kerja yang lain, kecuali ada setengah mahu menjadi doktor oleh sebab cari jalan hendak berhenti, sebab gajinya tidak berpatutan. Kerjanya amat teruk. Tentang kerja teruk saya tidak nafikan baik doktor, nurse mahupun pembantu hospital, semua kerja teruk. Dengan sebab itu kalau boleh tangga-gaji mereka ini dikajilah semula. Tentang baik itu, saya kata baik, kerja tidak berhenti, kerja teruk dan tentang layanan itu pun baik, terutama macam kita ini masuk hospital. Kalau Tuan Yang di-Pertua, sendiri masuk, saya ingat lebih baik lagi dari wakil Kangar ini. Tetapi apa yang difikirkan ini ialah wad Kelas Tiga. Jadi itulah saya harap sangat-sangat supaya Kementerian ini mengambil perhatian atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan itu juga

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap fasal Kementerian Kesihatan ini minta \$10 sahaja dalam tambahan ini. (*Ketawa*)

Tuan Shaari bin Jusoh: Minta \$10 sahaja, Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta \$10 sahaja (*Ketawa*) Tidak apa, teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Jadi begini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kita masih dasar am untuk \$10.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, begini, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini maksud saya sudah kata awal tadi jadi kalau tahun yang akan datang perlu hendak tambah, tambahkan lagi, pihak Dewan ini sanggup meluluskan. Ini \$10, kalau \$10 juta pun tidak apa. Inilah maksud saya bercakap di sini.

Tuan Yang di-Pertua, selalu juga berlaku di Perlis sebagaimana negeri-negeri lain ada askar kadangkala diambil doktor yang ada di hospital yang berkenaan untuk berkhidmat dengan askar. Ini pernah berlaku di Perlis. Bila dia ambil jadi doktor askar, tempat yang kosong itu tidak diganti. Saya harap sangat-sangat, kita bukanlah tidak mahu baiki askar, pihak yang menjaga keamanan di dalam negara kita, tetapi orang sakit biasa ini pun kita tidaklah mahu kekurangan dengan pihak yang berkenaan pergi ke tempat-tempat yang ada askar dan sebagainya. Jadi dengan sebab itu, saya harap sangat-sangatlah perkara ini tidak akan berlaku dengan mengambil doktor yang ada, pergi ke kem askar misalnya sehingga tempat yang ada doktor semacam hospital Kangar ketinggalan kerana dokternya tidak ada. Jadi kalau doktor ini pergi ke tempat askar itu, tempatnya hendaklah diganti dengan segera. Ini biasa berlaku khasnya di negeri Perlis.

Begitu juga saya berharap agar pakar bedah, pakar mata patut janganlah dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kata minta \$10 jadicalah, walau macam manapun saya ucapkan ribuan terima kasih kerana dapat juga saya bercakap tentang apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada segi lain macam mana saya katakan tadi, Perlis adalah satu negeri yang kecil, saya minta lagi apa yang saya sudah minta. Beberapa perkara selalu berlaku. Kita ucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang menjaga keamanan dengan adanya pihak mahkamah dan sebagainya tetapi Perlis kerap kali bukanlah saya katakan Kedah itu tidak baik, saya mengakui Perlis kecil tetapi masalahnya banyak timbul, satu, tentang pesaka. Bila hendak dibuat benda lebih daripada had, pergi ke Alor Star. Jadi saya berpendapat sudah sampai masanya pihak yang menjaga hal menyelesaikan pesaka ini patutlah diadakan di Perlis sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat— duduk dulu nanti tidak dengar. Kita membincangkan dasar umum, betul. Tetapi Kementerian Undang-undang ini tidak minta apa-apa dalam Belanjawan Tambahan ini. Tidak usah sebutlah fasal Kementerian Undang-undang itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap apa yang saya suarakan tadi akan mendapat sambutan daripada Kerajaan dan sekali lagi saya suka tegaskan apa yang perlu untuk kebaikan negara macammana saya katakan tadi tentang keselamatan dan sebagainya.

Sebelum saya duduk, sukalah juga saya ucapkan terima kasih kepada Menteri tadi yang saya terlupa mengatakan salah satu daripada tambahan yang telah diminta ialah subsidi-subsidi yang diberi seperti subsidi baja minyak tanah dan sebagainya. Saya ulang sekali lagi. Di sini masalah petani-petani khasnya petani-petani di luar bandar yang telah menjadi masalah sekali hari ini ialah masalah baja dan masalah minyak tanah sebagaimana yang disebut oleh Menteri. Pemberian subsidi itu saya ucapkan terima kasih.

Tetapi saya merayu sekali lagi tolonglah, segerakan sedikit kadang-kadang yang kita berikan itu lewat daripada masanya. Yang menjadi sedih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bermaksud langsung hendak hentam mana-mana pihak. Cara menghentam orang ini saya tidak begitu seronok, Tuan Yang di-Pertua tidak seronok sungguh-sungguh. Tetapi walau macammanapun, disebabkan perkara ini berlaku dalam kampung, kadang-kadang ada pihak-pihak yang menentang Kerajaan oleh sebab kerana parti kita ini berlainan walaupun kita memerintah secara demokrasi, tetapi ada parti-parti itu yang menentang kita mengambil kesempatan kalau terlewat kita beri sedikit baja itulah yang disebut, tidak guna dan sebagainya.

Saya berpendapat biarlah orang kata betul, tetapi kita pun kadang-kadang terlewat sungguh, dengan sebab itu saya harapkan kepada Menteri yang berkenaan, khasnya Kerajaan tolonglah beri seberapa cepat subsidi, baik pun minyak tanah, begitu juga subsidi baja dengan seberapa segera yang boleh dan saya berharap sangat-sangatlah tolonglah lanjutkan lagi subsidi itu. Orang kampung dan petani di luar bandar ini berharap sangat-sangatlah kepada subsidi itu, kerana saya dapat tahu baru-baru ini ada satu perjumpaan apabila ditanya hendak tambahkah atau tidak lagi, ada setengah kata dia pun tidak tahu hendak jawab.

Jadi saya harap segala subsidi-subsidi yang diberikan kepada petani-petani seperti baja, minyak tanah dan sebagainya hendaklah dilanjutkan untuk kesenangan rakyat umum.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong peruntukan yang telah diminta dan mintalah asal perkara itu menjadikan kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.10 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang dan saya bangun untuk bercakap dalam beberapa masalah menyokong dalam Rang Undang-undang yang terdapat di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana juga yang disebutkan oleh rakan saya daripada Kangar, saya rasa masalah permintaan lebih, pada dasarnya bagi saya tidak menjadi masalah, kerana kita sedar dan yakin bahawa Kerajaan kita memang bertanggungjawab dan memang setiap sen yang diperlukan itu dibelanja mengikut lunas-lunas keperluan sama ada keperluan pembangunan ataupun keperluan mengurus seperti mana mengikut kehendak negara keseluruhannya.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya sentuh mengenai projek-projek keselamatan, Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam membentangkan perkara ini sekejap tadi, telah menyebutkan bahawa sebanyak \$92,980,000 telah diminta bagi faedah pembangunan dari segi keselamatan. Saya sangat-sangat bersetuju di dalam masalah ini bukan sahaja setakat \$92.98 juta diperlukan bagi pembangunan bahkan kalau perlu boleh diminta lebih dan kita timbangkan di sini untuk menyokongnya kembali. Kerana faktor-faktor keselamatan di negara kita pada hari ini, hendak dikatakan membimbangkan, adalah keterlaluan, tetapi adalah suatu perkara yang perlu dapat perhatian yang serius sama ada oleh Dewan yang mulia ini ataupun oleh rakyat jelata keseluruhannya.

Tidak boleh dinafikan keadaan-keadaan yang berlaku di sekitar Vietnam, keadaan-keadaan yang meruncingkan, yang kini menggugat sempadan Thailand. Keadaan-keadaan yang sering berlaku di lautan kita sama ada

dari segi lanun-lanun ataupun dari segi masalah pendatang-pendatang haram. Ini adalah merupakan setengah-setengah daripada manifastasi yang memerlukan pengukuh atau ketahanan negara dari segi keselamatan.

Dalam hal ini, saya rasa sudah sampai masanya kita menyemak kembali tentang berapa banyak kapal-kapal laut TLDM yang kita punyai berapa banyak kapalterbang TUDM yang kita punyai dan seterusnya sejauh manakah kesannya peralatan-peralatan yang kita bekalkan kepada angkatan darat kita yang kita harapkan dapat mempertahankan negara ini sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini, dipohonkan dijauhkan Allah daripada perkara yang tersebut. Di dalam hal ini, tidak ada ertinya kita mengadakan peruntukan pembangunan yang besar, kepada soal-soal pembangunan ekonomi, tidak ada ertinya kita mengadakan peruntukan yang besar-besar sekiranya soal pokok, soal asas, iaini keselamatan negara adalah terganggu.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya sekiranya perlu sebagaimana, yang saya sebutkan tadi hendaklah juga ditambah kerana memandangkan kos peralatan-peralatan yang dipergunakan oleh angkatan keselamatan kita bukanlah satu perkara yang harganya puluh ribu, kadang-kadang ratusan ribu, kadang-kadang juta, maka \$92,980 juta ini adalah merupakan satu peruntukan yang sangat kecil di dalam erti kata untuk mempertahankan kedaulatan dan maruah negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya kita membuat satu rancangan ataupun kita menyemak semula rancangan-rancangan untuk menuju ke arah ketahanan rakyat yang benar-benar dapat pertahankan sama ada dari segi ideologi ataupun dari segi ketenteraan kiranya sesuatu perkara yang malang menimpa negara ini pada satu masa yang akan datang. Di antara perkara yang dapat kita jalankan bahawa setiap rakyat setiap warganegara cintakan kepada negara ini hendaklah benar-benar diberi fahaman iaitu hanya negara inilah sahaja tempat langit berteduh, bumi dipijak kepada setiap orang yang saya maksudkan tadi dan dengan yang demikian, maka sudah tentu kita perlu mewujudkan satu perasaan sayang, perasaan cintakan negara ini yang tidak berbelah bagi.

Saya menyebutkan perkara ini, kerana peristiwa-peristiwa sejarah negara kita yang pernah berlaku samada dalam peperangan lain, sama ada perang yang diriwayatkan Jepun atau peperangan-peperangan yang oleh historian yang moden ataupun orang-orang seperti Tun Sri Lanang, banyak perkara-perkara yang boleh menunjukkan bahawa ada golongan-golongan yang tertentu tidak sanggup sehidup semati dengan negara ini, dan inilah perkara yang perlu dititik-beratkan pada hari ini. Biarlah, kalau perlu sesuatu perkara yang malang kalau berlaku kepada negara ini, tidak berlaku kepada rakyatnya, tetapi sekadar berlaku kepada negara atau tanahnya sahaja, biarlah kita bersama-sama hanyut dan hilang daripada sejarah bersama-sama negara ini, biarlah tanah sahaja diberi kepada pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal ppsychology atau soal perang saraf dan soal perlunya wujud satu perasaan kasih sayang dalam erti kata keteguhan jiwa dalam setiap warganegara atau setiap rakyat yang tinggal di negara ini, kita juga hendaklah melengkapi seluruh barisan hadapan, selain daripada barisan hadapan yang merupakan Angkatan Bersenjata ataupun Pasukan Keselamatan negara ini tetapi saya anggapkan orang-orang yang menganggotai Pasukan-pasukan Simpanan sama ada Pasukan Simpanan dalam bentuk Polis ataupun Pasukan Simpanan dalam bentuk Askar Wataniah mahu pun dalam bentuk mereka yang menganggotai Angkatan Relawan Rakyat (RELA). Mereka ini hendaklah kita lengkapkan bukan sahaja dengan memberi latihan dari segi senjata yang moden ataupun sebagainya tetapi hendaklah mereka ini diberi latihan dalam bentuk-bentuk lain dalam erti kata mereka ini benar-benar yakin dan percaya bahawa mereka adalah sentiasa bersiap sedia untuk menerima panggilan watan ataupun negara sekiranya sesuatu perkara yang memerlukan mereka tampil ke hadapan.

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, pasukan RELA ataupun Pasukan Simpanan dalam bentuk Askar Wataniah pertama sekali hendaklah kita perbanyakkan kuantiti ataupun jumlahnya dan di samping itu juga apalah salahnya bagi anggota-anggota RELA kita perlengkapkan dengan senjata-senjata yang agak lebih moden sedikit daripada senjata senapang patah seperti mana yang menjadi amalan pada hari ini. Kerana saya

dapati, walaupun senapang patah ini dengan peluru penaburnya itu adalah lebih berkesan dari jarak dekat tetapi dari segi perasaan atau dari segi semangatnya manakan boleh senapang patah untuk melawan Armorlite M16 umpamanya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Askar Wataniah juga hendaklah diberi latihan komando. Saya tidak tahu sama ada pada hari ini sudah mulai diberi latihan komando atau gerak cepat kepada sebahagian daripada Askar-askar Wataniah kita, tetapi kalau belum lagi usaha ini hendaklah dijalankan dan kalau pun sudah mula dijalankan maka sudah sampai masanya mereka ini hendaklah diberi latihan komando supaya jika sesuatu perkara berlaku maka mereka inilah sesuai dengan nama Askar Wataniah yang akan menjadi sebagai putera-putera Wataniah yang sebenarnya untuk mempertahankan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga menyentuh mengenai Wataniah ini supaya selain daripada saya maksudkan tadi, mereka hendaklah diperbanyakkan, tetapi mereka juga hendaklah diberi latihan seberapa kerap yang dapat, sementara mereka tidak dikerahkan (mobilise) kerana sementara mereka ini tidak dikerahkan selalunya mereka bebas lepas membuat pekerjaan-pekerjaan mereka sendiri maka sudah tentu oleh sebab pekerjaan ini berbentuk awam (civilian) maka disiplin ketenteraan tidaklah melekat kepada mereka itu walaupun mereka telah mendapat latihan selama 4-5 bulan atau sebagainya.

Seterusnya, mereka ini hendaklah benar-benar dapat dianggapkan salah satu daripada barisan depan dalam mempertahankan negara ini, dalam erti kata angkatan bersenjata yang berjalan kaki. Apabila mereka ini dikerahkan (mobilise) seboleh-bolehnya mereka ini hendaklah kita beri latihan supaya mereka juga berkhidmat seperti juga askar-askar berjalan kaki yang lain.

Saya rasa sudah sampai masanya kerja-kerja sekatan jalan, kerja-kerja menjaga jambatan, kerja-kerja menjaga tempat-tempat strategik seperti stesyen telekom atau sebagainya kita berikan kepada satu pasukan yang lain yang mungkin tidak diperlukan untuk pergi ke hadapan apabila sesuatu peperangan yang sebenarnya berlaku. Kalau sekiranya perlu apalah salahnya kalau kita mengambil

sebahagian daripada Pasukan RELA untuk dijadikan apa yang dikatakan 'RELA Bergerak'; ataupun satu konsep baru 'RELA Bertugas' atau 'RELA Sepenuh Masa' untuk menjalankan kerja-kerja sekatan jalan (road block) atau untuk menjaga bangunan-bangunan strategik Kerajaan. Dengan ini maka seluruh angkatan atau Askar Wataniah kita ini dapat dikerahkan bila-bila masa kerana mereka ini diberi latihan, dalam erti kata latihan praktikal dalam kerja sehari-hari mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil kepada pihak Askar Wataniah ini kalau sekiranya dalam keadaan aman kita hanya memberi kerja atau tugas-tugas sepertimana yang saya sebutkan tadi, kerja-kerja yang ringan tetapi apabila sampai sesuatu perkara yang mungkin mala petaka akan tiba mereka ini juga akan dikerah. Maka sudah sampai masanya mereka ini diserapkan terus ke dalam batalion-batalion, ke dalam regimen-regimen untuk bersama-sama mendapat peluang, pengalaman dan juga ketahanan dari segi pertahanan, sama ada dari segi saikologikal atau fizikal.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun strategi Kerajaan kita saya nampak pada keseluruhannya adalah menumpu kepada soal pembangunan untuk mengatasi soal kemiskinan dari segi sama ada menghapuskan kemiskinan ataupun hendak menyusun semula masyarakat. Tetapi kita tidak dapat melupai bahawa soal keselamatan ini adalah penting dan mengingatkan bahawa laut kita adalah begitu luas dan sebahagian besar daripada negara kita adalah dilindungi oleh laut, kecuali sedikit sahaja yang terdapat di sebelah utara, iaitu Negeri Thai. Walaupun kita dapati pada peperangan dunia yang kedua pendaratan tentera Jepun bermula dengan laut, kemudian dia turun ke bawah sampai ke Singapura, melalui sebelah daratan, tetapi saya dapati juga kita tidak dapat nafikan bahawa di dalam sesuatu hal, sama ada conventional warfare atau peperangan dalam bentuk mana sekalipun setiap pintu tidak boleh dibenarkan tidak berkunci, setiap tempat tidak boleh dibenarkan tanpa pertahanan yang kuat supaya setiap penjuru hendaklah kita pertahankan dalam erti kata yang sebenarnya. Kita telah mengalami kata-kata bahawa Singapura pada tahun 1941 atau awal 1942 ialah invulnerable atau tidak dapat ditakluki, ditawan tetapi kurang lebih dalam masa dua minggu sahaja Tentera Jepun dapat

menakluki Singapura yang menjadi kesayangan ataupun yang menjadi kemegahan Tentera British yang dianggapkan sebagai salah satu atau kuasa yang terpenting pada masa itu.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal keselamatan saya ingin menyentuh sedikit mengenai soal pembangunan sosio-ekonomi di kawasan luar bandar. Kalau tidak silap saya sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menyebut peruntukan sebanyak \$42.5 juta adalah diperuntukkan untuk pembangunan sosio-ekonomi luar bandar. Pembangunan sosio-ekonomi luar bandar ini saya sengaja kaitkan selepas saya sentuh mengenai keselamatan kerana soal pembangunan luar bandar ada hubungan rapat dengan soal keselamatan kerana salah satu musuh negara kita pada hari ini ialah komunis (communism) dan tapak semaian yang subur bagi komunis (communism) ialah di kalangan rakyat yang miskin, yakni kelaparan menjadi the breeding ground kepada communism. Jadi dengan penekanan dalam masalah pembangunan sosio-ekonomi di kawasan luar bandar, sama ada dari segi pembangunan kawasan-kawasan baru sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dalam bentuk rancangan-rancangan tanah seperti FELDA, KESEDAR, Lembaga Kemajuan Negeri Kelantan atau sebagainya ataupun dengan memoden dan memajukan kawasan-kawasan kampung-kampung yang sedia wujud, dengan ini sekurang-kurangnya kita dapat menolong menaikkan taraf hidup rakyat kita di luar bandar. Dengan cara yang demikian maka satu lagi aspek ketahanan negara, satu lagi bidang atau senjata untuk mempertahankan negara ini dari segi psychological warfare daripada musuh utama negara dan ugama kita pada hari ini dapat kita tentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut juga di sini bahawa dalam soal pembangunan di luar bandar dan telahpun saya sebut dalam masa perbahasan Belanjawan 2-3 minggu lepas, cuma saya hendak menambah sedikit di sini konsep pembangunan luar bandar bagi orang-orang di luar bandar mungkin tidak serupa dengan konsep pembangunan luar bandar dengan orang-orang di bandar. Mungkin konsep pembangunan bagi orang-orang di bandar ialah membangunkan perkara-perkara yang besar-besar, membangunkan viaduct melintasi dekat Jalan Tugu umpamanya, mengadakan traffic lights, mengadakan

lapanganterbang-lapanganterbang yang besar-besar atau pelabuhan yang besar-besar, tetapi konsep pembangunan di luar bandar ialah lebih rapat kepada pembangunan di mana setiap individu yang menjadi penghuni luar bandar ini akan mendapat faedah kepada keseluruhannya.

Di dalam hal ini banyak projek-projek kecil yang dijalankan oleh Kerajaan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah memberi faedah secara lansung kepada penduduk-penduduk luar bandar. Misalnya dengan pembangunan dan pembinaan jalan-jalan kampung yang dibuat daripada jalan tanah mungkin yang berharga \$10,000 ini besar ertinya, begitu juga dengan mendirikan tali-air-taliair kecil yang mungkin menelan belanja sekadar \$1,000 atau \$2,000 ataupun dengan mengadakan projek-projek seperti Projek-projek Belia Peladang yang mungkin menelan belanja \$1,000, \$2,000 untuk mengadakan kolam-kolam air ataupun projek-projek membahagi-bahagikan anak-anak atau baka-baka

lembu-kerbau atau kambing atau ayam-itek dan sebagainya. Ini adalah merupakan setengah daripada perkara-perkara yang boleh menolong secara lansung untuk menaikkan taraf hidup rakyat di luar bandar sepertimana yang saya katakan tadi yang mana patut ditakrifkan sebagai pembangunan sosio-ekonomi bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Pada hari esok perbahasan ini akan disambung atas dasar-dasar am dan saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab atas dasar-dasar am pada pukul 4.30 petang, selepas itu perbahasan dalam Jawatankuasa dan tiap-tiap seorang saya akan benarkan bercakap tidak lebih daripada 15 minit.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 7hb Disember, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.